

2010

Laporan
Tahunan



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity



**MEMBANGUN
UNIVERSITI
BAGI
KEUNGGULAN
LESTARI**



MS ISO 9001:2008 CERT. NO. A034511
MS ISO 14001:2004 CERT. NO. A034511

Status Institution: CANSAS 14001:2007 Certified

Reg No. 9-02010



Sidang Editorial

PENGERUSI

Abd Rahman Haji Safie

SETIAUSAHA

Safriza Baharuddin

AHLI-AHLI

Ramle Abid, Haji Ghazali Hasan, Abdul Shukur Ishak, Haryani Abdullah, Azian Abd. Rahman, Arman A. Rahim, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais, Ernie Nurazlin Lizam, Mohammad Ilzam Jamat, Azrizulazmi Bustan, Shahri Mohd Akhir, Noor Syahidah Sabran, Rahiatul Adawiyah Mohd Ruslan, Rosidah Hassan, Syarifah Ikhmar Afzan Syed Abd Rahman, Zuryaty Zol, Saharudin Ramli, Faisal Jusoh, Shahrizai Haji Sarif, Emma Melati Burhanuddin, Raihana Sulaiman

PEREKA BENTUK GRAFIK

Azman Md Diah
Noor Azhar Abd Rasid

JURUFOTO

Khairu Aidilnishah Rizan Jalil

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz

PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman



ISI KANDUNGAN

- | | | | |
|----|--------------------------------------|-----|---|
| 5 | Visi dan Misi | 24 | Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia |
| 5 | Polisi Kualiti | 34 | Pengurusan & Pembangunan Akademik |
| 6 | Latar Belakang | 46 | Penyelidikan & Inovasi |
| 8 | Canselor | 54 | Pengantarabangsaan |
| 10 | Pengerusi Lembaga Pengarah | 58 | Perpustakaan |
| 11 | Naib Canselor | 70 | Pembangunan Fizikal Kampus |
| 12 | Ahli Lembaga Pengarah Universiti | 76 | Pembangunan & Aktiviti Pelajar |
| 14 | Pegawai Utama Universiti | 90 | Teknologi Maklumat & Komunikasi |
| 15 | Ahli Senat Universiti | 94 | Pengurusan Kualiti & Produktiviti |
| 16 | Carta Organisasi UMP | 108 | Fakulti |
| 18 | Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah | 140 | Laporan & Penyata Kewangan |
| 19 | Laporan Naib Canselor | | |



POLISI KUALITI

Polisi

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertekad untuk memberikan pendidikan teknikal berasaskan kompetensi yang berkualiti tinggi agar memenuhi malah menjangkau kehendak pelanggan melalui penyediaan program akademik yang berkualiti, konsultasi, latihan, penerbitan, dan penyelidikan guna serta pengkomersialan. Kami berazam untuk meningkatkan bisnis kami secara berterusan melalui inovasi dan pembangunan teknologi.

Slogan

Kualiti dan Teknologi Menjana
Kecemerlangan.

MISI KORPORAT

Visi

Menjadi universiti teknologi bertaraf dunia.

Misi

Kami menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang tinggi kualitinya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi yang membudayakan kreativiti dan inovasi.

Objektif

1. Melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.
2. Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.
3. Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan nic dan bidang kepakaran.
4. Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.

Falsafah

Ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk dimanfaatkan. Penekanan terhadap ilmu gunaan dan aplikasinya yang dimiliki oleh peribadi contoh berupaya melahirkan insan yang akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

Nilai Teras

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.
- Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana.
- Cekal dalam menghadapi cabaran.
- Proaktif dalam tindakan.

Universiti Teknologi Pilihan Utama

Latar Belakang

Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) telah ditubuhkan pada tahun 2002. UMP ditubuhkan untuk menawarkan program akademik dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bidang fokus UMP adalah Industri Kimia, Petrokimia dan Sumber Asli serta Industri Pembuatan dan Proses. Penjenamaan semula semua kolej-kolej universiti awam pada 1 Februari 2007 telah menyaksikan KUKTEM ditukar nama kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP).



Kampus UMP di Gambang

UMP beroperasi di kampus sementara yang terletak di Gambang, Kuantan. Kampus yang terletak kira-kira 30 kilometer dari pusat bandar Kuantan ini mempunyai keluasan 65,000 meter persegi yang boleh menempatkan 4,000 orang pelajar. Kampus UMP terletak di lokasi strategik berhampiran dengan Lebuhraya Pantai Timur, zon perindustrian kimia, petrokimia, pembuatan, automotif dan juga bioteknologi bagi Negeri Pahang Darul Makmur. Kini, di Kampus Gambang, para pelajar boleh mengakses internet tanpa wayar (WIFI).



Kampus UMP di Pekan

Kampus tetap UMP kini telah mula beroperasi di Kuala Pahang, Pekan pada 27 Julai 2009. Ia menempatkan dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE). Kampus seluas 642 ekar ini boleh menampung sehingga 10,000 orang pelajar dan 2,000 orang staf. Tujuan utama penubuhan UMP ini ialah untuk menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi dalam bidang yang berkaitan dengan:

- Kejuruteraan Kimia;
- Bioteknologi Industri;
- Kejuruteraan Automotif; dan
- Kejuruteraan Pembuatan.



Konsep dan Ciri-Ciri Utama

Sebagai sebuah universiti teknikal, UMP menawarkan pengajian yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berdasarkan ilmu yang praktis;
- Berteraskan gunaan dan kemahiran;
- Menitikberatkan komponen yang mengintegrasikan teori dan amali;
- Melibatkan pembelajaran secara aktif;
- Menekankan penyelesaian masalah teknikal di peringkat industri; dan
- Mengamalkan budaya kerja cemerlang.

UMP ditubuhkan bagi menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bagi mencapai tujuan ini, empat Produk Teras telah ditetapkan iaitu Pengetahuan Teknikal, Kemahiran Teknikal, Kemahiran Insaniah dan Kemahiran Keusahawanan. Nisbah teori berbanding kemahiran praktikal yang ditawarkan di universiti ini ialah 60:40. Di universiti ini, pelaksanaan konsep praktis diperkayakan lagi dengan penerapan kaedah kilang pengajaran. Ini bermakna – di samping latihan industri – para pelajar didedahkan juga cara penggunaan alat simulasi dan alat bantu mengajar. Konsep praktis

ini diperkukuhkan lagi dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar.

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek-projek industri dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di samping mempromosikan aktiviti-aktiviti pengkomersialan dan produk penyelidikan. UMP juga mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan bagi memantapkan kajian dalam bidang berkaitan.

Sehingga kini, universiti telah meraih beberapa kemenangan dalam pameran penyelidikan yang diadakan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. UMP komited dalam membangunkan sumber kapital manusia dan teknologi untuk memenuhi keperluan industri serta menyumbang kepada pembangunan negara.

Sehingga kini, UMP menawarkan sebanyak 15 program doktor falsafah, 21 program sarjana, 26 program ijazah sarjana muda, dan lima program diploma.

Program-program tersebut ditawarkan oleh tujuh fakulti berikut:

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE);
- Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKSA);
- Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP);
- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM);
- Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA);
- Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT); dan
- Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI).

Di samping tujuh fakulti tersebut, UMP juga mempunyai tiga buah pusat iaitu Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED). Selain itu, UMP juga mempunyai dua buah pusat kecemerlangan iaitu Pusat Kecemerlangan Automotif (AEC) dan Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam (CERRM).

CANSELOR

KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA
TENGGU MAHKOTA PAHANG

**TENGGU ABDULLAH AL-HAJ
IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH**

DK., SSAP., SIMP., DK (TERENGGANU), DK (JOHOR), SPM], PAT.



PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

YANG HORMAT DATO' MOHD
HILMEY BIN MOHD TAIB,
SIMP., DIMP., SMP.



NAIB CANSELOR

YANG HORMAT PROFESOR DATO'
DR. DAING MOHD NASIR BIN
DAING IBRAHIM, DIMP.





AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Pengerusi

1

Yang Hormat Dato' Mohd Hilmei Mohd Taib, SIMP., DIMP., SMP.

Pengerusi Eksekutif
HeiTech Padu Berhad
Level 15, Heitech Village
Persiaran Kewajipan, USJ 1
UEP Subang Jaya
47600 Selangor Darul Ehsan

Ahli-ahli

2

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Mohd Nasir bin Daing Ibrahim, DIMP.

Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur

3

Yang Hormat Dato' Sri Abdul Aziz bin Abdul Rahman, SSAP., SIMP., DSAP, KMN.

Pengerusi Eksekutif
Alam Venture Sdn. Bhd.
11th Floor, Wisma Tas
Jalan Melaka
50100 Kuala Lumpur

4

Yang Berbahagia Datuk Aishah binti Shaikh Ahmad, JMN., DJN., PJN.

Pengarah Hal Ehwal Korporat (Kumpulan Automotif)
Sime Darby Motors Sdn. Bhd.
1st Floor, Lot 33, Jalan Pelukis U1/46
Temasya Industrial Park, Seksyen U1
40150 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

5

Yang Berbahagia Datuk Aminar Rashid bin Salleh, DPSM.

Pengarah Urusan
Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd.
Perodua Automotive Centre
Sungai Choh, Beg Berkunci 226
48009 Rawang
Selangor Darul Ehsan
(Mulai 1 Ogos 2010)



6

Tuan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid bin Syed Abdul Rahman

Pengarah
AJ Infinite (M) Sdn. Bhd.
2-49, 2nd Floor, Jalan Kajang Perdana 3A
Kajang Perdana
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

7

Yang Hormat Datin Sri Dato' Rohani binti Abdullah, DIMP., AMN., CSM.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 16, No.2, Menara 2
Jalan P5/6 Presint 5
62200 Putrajaya

8

Haji Maliami bin Hamad

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Pinjaman Pasaran
Kewangan dan Ektuari
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 5, Blok Tengah, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya
(Mulai 16 Oktober 2010)

9

Encik Ahmad Rahimi bin Abdul Samad Pengerusi

Ultimate Builders Sdn. Bhd.
8F, 6th Floor Block 2 Worldwide Business Park
Jalan Tinju 13/50 Seksyen 13
40675 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
(mulai 1 Februari 2010)

SETIAUSAHA

10

Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim, AMP.

Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur

PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI



Naib Canselor

YANG HORMAT PROFESOR
DATO' DR. DAING MOHD NASIR
BIN DAING IBRAHIM, DIMP.
*Ph.D (Dundee), MBA (Arkansas),
BBA (W. Michigan), DHCM (ITM),
CA (M'sia), FCPA (Australia)*



Penolong Naib Canselor (Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

PROFESOR MADYA ZULKAFLI
BIN HASSAN
*M.Sc.(Strathclyde), B.Sc. (Missouri-
Rolla)*



Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

PROFESOR DR.
BADHRULHISHAM BIN ABDUL
AZIZ
*Ph.D. (Kyoto) M.Sc. (Wales), B.Sc.
(Colorado St)*



Pendaftar

TUAN HAJI MUSTAFA BIN
IBRAHIM, AMP.
M.Sc. (UPM), B.A (Hons) (UM)



Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

YANG HORMAT PROFESOR
DATO' DR. ROSLI BIN MOHD
YUNUS, DIMP.
*Ph.D (Wales), M.Sc. (Wales),
B.Sc. (North Carolina State), Dip.
(ITM)*



Bendahari

ENCIK ZAINUDIN BIN
OTHMAN
C.A. (M), B.Acc. (Hons), (UKM)



Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

PROFESOR DR. YUSERRIE
BIN ZAINUDDIN
*Ph.D (UKM), M. Com (Hons)
(Wolonggong), B.Soc.Sc
(Hons) (USM)*



Ketua Pustakawan

TUAN HAJI RUSLAN BIN CHE
PEE
*M.Sc. (USM), Post Graduate
Dip. (UiTM), B.Sc. (Hons)
(UKM)*

SENAT
UNIVERSITI

Pengerusi

Naib Canselor

YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM, DIMP.

Ph.D (Dundee), MBA (Arkansas), BBA (W. Michigan), DHCM (ITM), CA (M'sia), FCPA (Australia)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. SABARUDIN BIN MOHD., DIMP., PMP.
Ph.D. (Birmingham) M.Sc. (Scotland), B.Sc. (Hons) (Scotland), Dip. (UTM) (sehingga 31 Mei 2010)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

PROFESOR DR. BADHRULHISHAM BIN ABDUL AZIZ
Ph.D. (Kyoto) M.Sc. (Wales), B.Sc. (Colorado St) (Mulai 1 Jun 2010)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS, DIMP.
Ph.D (Wales), M.Sc. (Wales), B.Sc. (North Carolina State), Dip. (ITM)

Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

PROFESOR DR. YUSERRIE BIN ZAINUDDIN
Ph.D (UKM), M. Com (Hons) (Wolonggong), B.Soc.Sc (Hons) (USM) (Mulai 21 Jun 2010)

Penolong Naib Canselor (Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti)

PROFESOR DR. SHAMSUDIN BIN BAHARIN
Ph.D. (Warwick), MA (Central Michigan), B.Sc. (Ferris State), A.A.Sc. (Ferris State) (Mulai 26 Julai 2010)

Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam

PROFESOR ENGR. DR. IDERIS BIN ZAKARIA, KMN.
Ph.D (Sheffield), M.Sc. (Glasgow), B. Eng (Hons) (UiTM), MIEM

Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

IR. ZULKEFLEE BIN KHALIDIN
M.Eng. (Kumamoto), B. Eng (Hons.), UTM, MIEM, P.Eng.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli

PROFESOR MADYA ZULKAFI BIN HASSAN
M.Sc.(Strathclyde), B.Sc. (Missouri-Rolla)

Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

PROFESOR DR. ROSLI BIN ABU BAKAR
Ph.D (Hanyang), M.Sc. (Hanyang), B.Eng. (Hanyang)

Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi
PROFESOR DR. AHMAD BIN OTHMAN
Ph.D (Nottingham), M.Ed.(La Trobe), B.Sc. (Hons) (Portsmouth), Dip.(UTM), MMIHRM

Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri

PROFESOR DR. MASHITAH BINTI MOHD. YUSOFF
Ph.D (Wichita State), M.A. (Western Michigan), B.S. (Wichita State)

Dekan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian

PROFESOR MADYA DR. JASNI BINTI MOHAMAD ZAIN
Ph.D (Brunel, West London), M.Ed (Hull), PGCE (Sheffield Hallam), B.Sc. (Hons) (Liverpool)

Dekan Pusat Pengajian Siswazah

PROFESOR DR. MOHD RIDZUAN BIN NORDIN
Ph.D (Tasmania), MBA (UKM), B.Sc. (Hons) (Tasmania), Dip. (Malaysian Institute of Personnel Management) (Sehingga 14 Januari 2010)

Dekan Pusat Pengajian Siswazah

PROFESOR DATIN DR. NASLY BINTI MOHAMED ALI
Ph.D (Strathclyde), M.Sc. (UTM), B.Sc. (Strathclyde) (Mulai 16 September 2010)

Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan

PROFESOR DR. ABDUL JALIL BIN BORHAM
Ph.D (UM), M.AIL (UM), B.ILE (UM)

Dekan Penyelidikan

PROFESOR IR. DR. JAILANI BIN SALIHON
Ph.D (Surrey), B.Sc. (Hons) (Loughborough)

Pengarah Pusat Inovasi & Daya Saing

PROFESOR MADYA DR. ABDULLAH BIN IBRAHIM
Ph.D (Cardiff), M.Sc. (Wisconsin), B.Sc. (Wisconsin), Dip. Votec (Toronto), Dip. Res (Cardiff)

Profesor Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi

PROFESOR DR. RAZMAN BIN MAT TAHAR
Ph.D (Bradford), M.Sc. (Sunderland), B.Sc (Carleton), Post Doctorate (Salford)

Timbalan Dekan Jabatan Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi
PROFESOR MADYA DR. WAN AZHAR BIN WAN YUSOFF
Ph.D, (USM), M.Sc. (RPI), B.Sc. (Michigan-Ann Arbor)

Ketua Pustakawan

TUAN HAJI RUSLAN BIN CHE PEE
M.Sc. (USM), Post Graduate Dip. (UiTM), B.Sc. (Hons) (UKM)


Bendahari

ENCIK ZAINUDIN BIN OTHMAN
C.A. (M), B.Acc. (Hons), (UKM)

SETIAUSAHA

Pendaftar

TUAN HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM, AMP.
M.Sc. (UPM), B.A (Hons) (UM)



CARTA ORGANISASI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH



Dalam tempoh setengah dekad yang lalu, UMP telah Berjaya melaksanakan pelan strategic dan agenda transformasinya dalam memperkukuhkan asas dan menjana kecemerlangan. Kini penerokaan kepada transformasi, migrasi dan penajajaran adalah agenda utama bagi pelan strategik UMP 2011-2015. Ia disusun dengan begitu teliti dan mengambil kira pencapaian pelan strategik yang lalu dan melaksanakan agenda Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan, Bidang Keberhasilan Utama Negara dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian Pengajian Tinggi.

Dengan berpaksikan kesemua elemen di atas, saya pasti warga kerja UMP akan lebih tercabar dan termotivasi untuk bekerja dengan lebih tekad dan bersemangat bagi membangunkan dan merealisasikan cabaran-cabaran dalam pelan ini. Inilah masanya untuk membuktikan bahawa asas-asas dalam membangunkan sesebuah organisasi telah perkukuhkan. Bahawa warga kerja UMP telah berjaya menanamkan dan mengamalkan budaya kerja cemerlang yang berpandukan kepada prestasi dan berfokuskan kepada strategi.

Pihak Lembaga Pengarah UMP (LPU) amat bangga dengan pencapaian dan

kemajuan yang dikecapi oleh UMP sepanjang 2010 ini. Perkembangan dan pembangunan fizikal UMP di Pekan juga telah mula dirasai oleh penduduk setempat dengan perpindahan pelajar-pelajar dari dua fakulti di sana pada Julai 2010.

Sesungguhnya, kejayaan demi kejayaan yang dikecapi dalam tahun 2010 ini perlu dijadikan pemangkin dan pembakar semangat untuk lebih berdaya saing. Jangan leka dengan kejayaan semalam, sehingga perancangan akan datang diabaikan. Bertekad dan berusaha untuk lebih menonjol dalam melaksanakan kerja yang berkualiti dan cemerlang dalam memimpin dan membangunkan bangsa dan negara.

Salam hormat.

Dato' Mohd Hilmey Bin Mohd Taib
Pengerusi
Lembaga Pengarah
Universiti Malaysia Pahang

LAPORAN NAIB CANSELOR

Membangun Universiti Bagi Keunggulan Lestari

Keunggulan bermakna kelebihan atau keistimewaan sesuatu. Manakala, lestari bermaksud tetap seperti sedia kala; tidak berubah atau kekal. Dalam konsep falsafah ilmu, kekal itu adalah merupakan proses pembelajaran dan proses pembelajaran ini berlaku sepanjang hayat. Justeru, keunggulan lestari perlu dibina dengan perancangan yang rapi kerana ia mengajak kita mengorak langkah dalam penyatuan yang jitu bagi membangunkan dan mengekalkan ia di UMP. Membina dan membangunkan keunggulan ini mungkin mengambil masa yang lama atau mungkin juga tidak kerana ia banyak bergantung kepada cara pengurusan yang dinamis dan cekap. Kita telahpun menentukan dan memuktamadkan bidang-bidang yang ingin kita ungguli seperti mana telah kita lakarkan dalam Pelan Strategik UMP 2008-2010.

Di era kemajuan teknologi ini, semua kemungkinan terletak di hujung jari, dan kita perlulah cekap bertindak dan mengambil peluang yang ada. Maka dengan itu, tahun 2010 adalah tahun yang cukup bermakna kerana ia adalah penentu kepada kejayaan Pelan Strategik UMP 2008-2010.

Apakah yang dimaksudkan keunggulan lestari di universiti? Dengan membuat perbandingan berdasarkan universiti-

universiti terkemuka bertaraf dunia, didapati tiga unsur penting yang perlu diberikan perhatian bagi membina kelestarian ini; pertama ialah kewujudan takungan bakat, Kedua adalah sumber yang lumayan dan ketiga adalah sokongan sistem governan. Oleh itu, pengurusan yang kreatif dan berinovatif dalam mengarap ketiga-tiga elemen ini adalah amat penting dalam membina dan membangunkan sesebuah universiti yang teguh dan mampu bertahan merentasi sempadan dan zaman.

Jika dilihat secara kasarnya, kesemua elemen di atas telah wujud dalam CSF dan agenda transformasi UMP. Ini bermakna penajajaran kita ke arah kelestarian ini telah pun bermula. Membangunkan universiti ini ke arah keunggulan yang lestari adalah usaha berterusan bagi mengekalkan kecemerlangan universiti ini. Oleh yang demikian, sekali lagi ditekankan di sini iaitu cara kita mengurus dan mentadbir universiti ini mestilah lebih kreatif, lebih berinovatif dengan mengambil pendekatan yang tidak konvensional serta berpaksikan kepada integriti.

Penamat Pelan Strategik UMP 2008-2010

Bertekad untuk menjadi yang terbaik, secara amnya pencapaian Pelan





Strategik UMP 2008-2010 telah menghasilkan satu impak visual yang positif dalam memacu inisiatif ke arah memperkukuhkan tonggak asas UMP dalam menjana kecemerlangan. Melalui 10 Faktor Kritikal Kejayaan (CSF) yang telah dijanakan sehingga Disember 2010, analisis yang dilakukan terhadap pencapaian Pelan Strategik UMP 2008-2010 mendapati bahawa purata pencapaian keseluruhan CSF 1 hingga 10 adalah berada pada tahap 73 peratus CSF 7 iaitu Pembelajaran Sepanjang Hayat dan CSF 10 iaitu Mekanisma Pembiayaan memperlihatkan pencapaian tertinggi iaitu pada kadar 100 peratus. Manakala CSF 4 iaitu Akses & sosio-ekonomi adalah yang terendah pada kadar 28 peratus.

Cabaran 2011 adalah kesinambungan pengukuhan asas yang telah diletakkan pada tahun sebelumnya. Tuntutan untuk

bekerja lebih bijaksana dan pantas adalah elemen yang diterapkan dalam pengurusan di mana pencapaian CSF dan agenda transformasi diberikan keutamaan. Komitmen ini telah diberikan sepenuhnya oleh warga kerja UMP dalam membantu memacu ke arah kecemerlangan di mana aspek yang dititikberatkan adalah Tadbir Urus yang sistematik, Pembangunan Modal Insan, Pengajaran & Pembelajaran, Pengurusan Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan serta Penjaminan Kualiti. Proses ini telah diperkemas dan diperhalusi bagi menjamin struktur penawaran perkhidmatan sentiasa berada pada tahap yang memuaskan. Pembentukan struktur pengurusan yang sistematik dan mantap ini mampu menyemarakkan semangat warga kerja UMP untuk terus menabur bakti dalam mendukung visi dan misi universiti.

Melalui pembentukan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang berasaskan hasil, UMP mampu meningkatkan kerja yang lebih berkualiti dan impak yang lebih positif bukan sahaja ianya dapat dirasai malah dapat dilihat dengan jelas melalui kejayaan-kejayaan yang telah dicapai. Inilah gagasan murni UMP yang berteraskan nilai, berfokuskan strategi dan berpandukan prestasi. Selain itu untuk melestarian sesebuah universiti, setiap warga kerja perlulah memahami sedikit sebanyak apa yang dikatakan kelestarian ini.

Menjadi universiti pilihan pertama, bertaraf dunia dan berjenama

Untuk menjadi universiti pilihan pertama, UMP mestilah mempunyai daya tarikan yang unik berbanding institusi lain, atau UMP mestilah mempunyai ciri-ciri yang menepati kehendak pelanggan.

Umumnya, empat ciri-ciri berikut mesti ada pada sesebuah universiti untuk menjadi pilihan pertama:

- i) Kualiti program akademik yang ditawarkan;
- Kualiti para pensyarah;
 - Kualiti prasarana pengajaran dan pembelajaran; dan
 - Kualiti persekitaran kampus.

Dengan mengambil kira keempat-empat elemen di atas, kita telah mengorak langkah yang luar dari kebiasaan dengan menjalankan pakatan strategik bersama pihak industri atau institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara dalam menawarkan program akademik yang terkini yang dapat melahirkan graduan yang kompeten mengikut bidang berkaitan bagi memenuhi pasaran kerja masa hadapan. Pakatan ini telah menampakkan hasil; sebagai contoh terbinanya beberapa pusat di UMP seperti Pusat Kerjaya & Akademik Jerman pada tahun 2010. Selain itu, kerjasama dalam penawaran program akademik dengan institusi pengajian tinggi luar juga telah menunjukkan kejayaan seperti kerjasama dengan negara di Jerman, Ireland, Mesir, China dan lain-lain turut digiatkan.

Di samping itu, untuk menjadi pilihan pertama, kualiti pensyarah mestilah setanding dengan pensyarah di universiti terkemuka lain, terutama universitinya yang telah lama berkembang tidak kira di dalam atau luar negara. Kita juga telah mewujudkan skim *fellowship* bagi melonjakkan peningkatan staf akademik yang mempunyai PhD di mana peningkatan yang begitu ketara dapat dilihat pada tahun 2010 iaitu daripada 70 staf dalam tahun 2009 kepada 105 staf. Dengan pembangunan pesat kampus Pekan, UMP kini telah beroperasi di dua kampus, iaitu Gambang dan Pekan. Kita telah merangka pembangunan prasarana bagi pengajaran dan pembelajaran yang cukup berkualiti kepada pelajar di mana kemudahan yang diberikan adalah bertaraf dunia. Ini akan menjamin kepada persekitaran kampus yang berkualiti dan selesai.

Sekilas pandang, untuk membangunkan sebuah universiti bertaraf dunia bukan sesuatu yang mudah, dan mungkin

ada antara kita yang berasa tidak yakin dengan hasilnya. Namun dengan perancangan rapi yang telah digariskan dalam Pelan Strategik UMP, pastinya akan membuahkan hasil.

Pencapaian 2010

Hasil garapan dan usaha yang ditonjolkan, UMP telah dapat memenuhi agenda perdana Pengajian Tinggi iaitu Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Ini membuktikan bahawa UMP mampu bersaing dengan universiti-universiti lain di persada global. Antara pencapaian 2010 yang amat membanggakan adalah apabila UMP menerima penghargaan daripada Kerajaan Negeri Pahang dalam usaha merangka Pelan Tindakan Strategik Biodiversiti-Bioteknologi Negeri Pahang.

Malah, Pusat Kerjaya & Akademik Jerman (GACC) telah dibuka dengan rasminya pada 22 Disember 2010 bagi menyelaraskan semua aktiviti melibatkan pengajian program kejuruteraan Jerman dengan jalinan kerjasama dengan Universiti Hochschule Karlsruhe Und Wirtschaft.

Pada tahun 2010 juga, UMP telah berjaya membawa pulang enam pingat emas, 10 pingat perak, tujuh pingat gangsa dan satu Anugerah Khas dalam Pertandingan Penyelidikan Kebangsaan, manakala di peringkat antarabangsa kita telah menggondol empat pingat emas, satu pingat perak dan tiga anugerah khas. Selain itu, dalam Anugerah Cendekia Bitara di mana kita mengiktiraf pensyarah-pensyarah yang sentiasa bekerja keras dalam membangunkan UMP juga telah melonjak naik dari segi bilangan anugerah yang diberikan. Peningkatan bilangan penerbitan dan penyelidikan juga agak ketara pada tahun 2010, di mana sebanyak 105 jurnal telah dikeluarkan dan 119 penyelidikan dibuat dengan 41 paten difailkan. Di samping itu, penyelidikan yang dijalankan di UMP mempunyai kualiti, memenuhi standard antarabangsa dan berpotensi untuk dikomersialkan ini kerana kebanyakan makmal telah mendapat sijil ISO, OSHA dan NIOSH. Secara tidak langsung ini telah menggalakkan aktiviti penyelidikan. Pembinaan makmal berpusat juga sedang giat dijalankan dan akan mula

beroperasi dalam tahun 2011.

Buat pertama kalinya, Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) dan UMP Holdings menyumbang RM1.085 juta sebagai bayaran pentadbiran dalam tahun 2010. Sumbangan ini merealisasikan hasrat kerajaan agar institusi pengajian tinggi dapat menjana 30 peratus pendapatan sendiri.

Memperkasakan agenda pengantarabangsaan juga merupakan nadi transformasi bagi tahun 2010, di mana UMP melalui memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian dengan institusi luar negara telah membuka peluang untuk berkongsi kepakaran dalam bidang kejuruteraan yang semakin maju dan pesat membangun. Teknologi yang digunakan adalah sama dan setanding dengan negara asal seperti Jerman, Jepun, Korea, Ireland dan lain-lain.

Kesimpulan

Era Memperkukuhkan Asas, Menjana Kecemerlangan telah berlalu dengan berakhirnya tahun 2010. Kejayaan yang telah diusahakan dalam tempoh tiga tahun tersebut boleh dibanggakan kerana banyak kejayaan dan impak yang besar dapat dilihat. Ini adalah hasil usaha warga UMP yang tidak kenal penat lelah dalam menjayakan Pelan Strategik 2008-2010. Usaha-usaha yang telah digerakkan ini akan menjadi kayu pengukur kepada kesinambungan pelan strategik seterusnya iaitu bagi tahun 2011-2015. Pihak pengurusan sentiasa komited dengan pelan pelaksanaan yang menjajarkan UMP mencapai visi dan misinya. Seharusnya warga UMP perlu lebih gigih dalam mencapai hasrat untuk menjadi yang terbaik dalam menyediakan pendidikan berkualiti dengan prasarana yang bertaraf dunia.

Justeru, warga UMP perlulah sama-sama bekerja kuat dengan semangat satu keluarga untuk menaikkan nama UMP yang terkenal dengan kecendekiawannya di Malaysia dan di mata dunia.

PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
Naib Canselor



PENGURUSAN &
PEMBANGUNAN
SUMBER MANUSIA



PENGURUSAN & PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Perjawatan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah diluluskan waran perjawatan sebanyak 1,468 jawatan sehingga 31 Disember 2010 yang merangkumi enam jawatan bagi Pengurusan Tertinggi, 649 jawatan bagi Kumpulan Akademik, 217 jawatan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 596 jawatan bagi Kumpulan Sokongan. Keseluruhan staf UMP pada 31 Disember 2010 berjumlah 1,388 orang iaitu sebanyak 1,319 jawatan atau 89.85% diisi secara lantikan tetap dan 69 jawatan diisi secara lantikan Kontrak. Kedudukan perjawatan yang dilulus dan diisi di UMP seperti mana ditunjukkan di dalam Jadual di bawah:

Jadual 1: Kedudukan Kumpulan Perjawatan (Lantikan Tetap Dan Kontrak)


KUMPULAN	BIL. JAWATAN DILULUSKAN	JUMLAH PENGISIAN	PERATUS PENGISIAN
Pengurusan Tertinggi	6	6	100%
Akademik	649	547	84.28%
Pengurusan & Profesional	217	198	91.24%
Sokongan	596	568	95.30%
JUMLAH	1,468	1,319	89.85%

Jadual 2: Kedudukan Kumpulan Perjawatan (Lantikan Kontrak)


KUMPULAN	JUMLAH LANTIKAN
Pengurusan & Profesional	6
Sokongan	63
JUMLAH	69

Sehingga 31 Disember 2010, pengisian jawatan akademik adalah berjumlah 547 orang. Pengisian jawatan akademik telah dibahagikan berdasarkan pengelasan jawatan seperti di dalam carta berikut.

Carta 1: Bilangan Staf Akademik Mengikut Jawatan Sehingga 31 Disember 2010




Carta 2: Bilangan Doktor Falsafah sehingga 31 Disember 2010



Bilangan Pensyarah yang berkelulusan Doktor Falsafah turut mencatatkan pertambahan setiap bulan. Sehingga 31 Disember 2010, bilangan Pensyarah yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah ialah seramai 105 orang pensyarah.


Bilangan staf Akademik ini terdiri daripada 495 orang lantikan secara tetap dan 52 orang lantikan secara kontrak. Staf kontrak ini terdiri daripada lapan orang warganegara dan 44 orang bukan warganegara.

Carta 3: Bilangan Staf Akademik Mengikut Status Sehingga 31 Disember 2010



Pelantikan staf di kalangan bukan warganegara turut dilaksanakan bagi menampung keperluan perjawatan di UMP. Bilangan staf bukan warganegara di UMP sehingga 31 Disember 2010 ialah seramai 46 orang yang terdiri daripada 44 orang staf kumpulan akademik dan dua orang Pegawai Perubatan. Berikut adalah perincian mengikut negara asal.

Carta 4: Bilangan Staf Bukan Warganegara 2010 Sehingga 31 Disember 2010



Kenaikan Pangkat

Pada tahun 2010, UMP telah melaksanakan eksais kenaikan pangkat bagi jawatan akademik dan bukan akademik. Maklumat dan data mengenai kenaikan pangkat staf akademik serta bukan akademik adalah seperti di dalam Jadual 3, 4 dan 5 di bawah.



Jadual 3: Kenaikan Pangkat Kumpulan Akademik

BIL.	JAWATAN LAMA	JAWATAN BAHARU	JUMLAH
1.	Profesor (VK7)	Profesor (VK6)	2
2.	Pensyarah Kanan (DS52)	Profesor Madya (DS54)	2
3.	Pensyarah (DS45)	Pensyarah Kanan (DS52)	1

Jadual 4: Kenaikan Pangkat Jawatan Kumpulan Pengurusan & Professional

BIL	JAWATAN LAMA	JAWATAN BAHARU	JUMLAH
1.	Penolong Pendaftar Kanan (N44)	Timbalan Pendaftar (N48)	1
2.	Penolong Pendaftar (N41)	Penolong Pendaftar Kanan (N44)	3
3.	Pegawai Sains (C41)	Pegawai Sains Kanan (C44)	1
4.	Pegawai Psikologi (S41)	Pegawai Psikologi Kanan (S44)	2


Jadual 5: Kenaikan Pangkat Jawatan Kumpulan Sokongan

BIL.	JAWATAN LAMA	JAWATAN BAHARU	JUMLAH
1.	Penolong Jurutera (J29)	Penolong Jurutera Kanan (J36)	1
2.	Penolong Pegawai Latihan Vokasional (J29)	Penolong Pegawai Latihan Vokasional (J36)	2
3.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (F29)	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan (F32)	1
4.	Pembantu Tadbir (Kewangan) (W17)	Pembantu Tadbir (Kewangan) Kanan (W22)	1
5.	Pemandu Kenderaan (R3)	Pemandu Kenderaan (R6)	3
6.	Pembantu Am Pejabat (N1)	Pembantu Am Pejabat Kanan (N4)	1

Staf Cuti Belajar & Penajaan Fellowship


Bagi peningkatan kerjaya staf akademik, sehingga 31 Disember 2010, UMP telah menghantar seramai 151 orang staf untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Bagi penajaan Skim *Fellowship* pula, sehingga 31 Disember 2010, seramai 75 orang telah menerima tajaan bagi melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

Carta 5: Staf Cuti Belajar Dan Fellowship Sehingga 31 Disember 2010



Pada tahun 2010, seramai 48 orang staf dan 43 orang Felo telah melanjutkan pengajian di beberapa negara di mana 37 orang staf dan 23 orang Felo di dalam negara dan bakinya di luar negara. Perincian mengikut negara adalah seperti Carta 6 di bawah:

Carta 6: Statistik Staf Cuti Belajar Dan Fellowship Mengikut Negara Pada 2010




Seramai 57 orang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah dan 34 orang di peringkat Sarjana. Perincian mengikut bidang seperti di dalam Jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Bilangan Staf Cuti Belajar Dan Fellowship Mengikut Bidang Pengajian

BIDANG	STAF		FELO		JUMLAH
	Doktor Falsafah	Sarjana	Doktor Falsafah	Sarjana	
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	4	3	2	4	13
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam	4	1	2	0	7
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli	6	3	7	5	21
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	10	3	5	7	25
Fakulti Sains & Teknologi Industri	2	0	2	1	5
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian	2	3	0	2	7
Jabatan Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi	1	0	1	2	4
Jabatan Pengurusan Teknologi, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi	3	0	2	0	5
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan	3	0	1	0	4
JUMLAH	35	13	22	21	91

Carta 7: Penajaan Staf Cuti Belajar Dan Skim Fellowship 2010


Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) yang diperuntukkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia adalah bertujuan untuk memberi bantuan pengajian peringkat Doktor Falsafah dan Sarjana. Selain itu, UMP turut memberikan tajaan kepada seorang staf dan 20 orang bagi Skim *Fellowship*. Jumlah penajaan pada tahun 2010 adalah seperti Carta 7 berikut :



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010

UMP telah menganugerahkan perkhidmatan cemerlang kepada 109 orang staf bagi tahun 2010. Berikut adalah maklumat bilangan penerima APC mengikut jabatan:


Carta 8: Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010



Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

UMP telah melaksanakan HRMIS secara berperingkat dan dipantau oleh Unit HRMIS, KPT. HRMIS kini telah dijadikan salah satu KPI bagi semua Naib Canselor. Sepanjang tahun 2010, sebanyak dua modul telah dijadikan KPI iaitu Profil Peribadi dan Profil Perkhidmatan. Pencapaian pengemaskinian maklumat HRMIS di UMP sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti Carta 8 di bawah:


Carta 9: Status Pengemaskinian Profil Peribadi Dan Profil Perkhidmatan Ump Sehingga 31 Disember 2010



Latihan

Perancangan dan pelaksanaan latihan di UMP dikendalikan oleh Bahagian Latihan & Pengembangan Kompetensi, Jabatan Pendaftar. Pada tahun 2010, sebanyak 54 kursus telah berjaya dilaksanakan di mana 24 daripadanya adalah kursus wajib dan 30 kursus opsyenal.

Carta 10: Bilangan Kursus Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2010





Keurusetiaan

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia melalui Unit Pengurusan Governan menjadi urus setia kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang diadakan sebanyak lima kali pada 2010 dan Mesyuarat Eksekutif yang diadakan sebanyak dua kali pada 2010.

Unit ini juga turut menjadi urus setia Hari Bertemu Pelanggan UMP yang diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2010. Hari Bertemu Pelanggan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada staf dan pelajar UMP untuk mengetahui perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan Pendaftaran.

Bahagian Latihan & Pengembangan Kompetensi juga turut menjana pendapatan sebanyak RM18,100.00 pada tahun 2010 melalui kursus dijalankan kepada peserta luar.

Jadual 7: Jumlah Pendapatan Yang Dijana Melalui Kursus Yang Dijalankan

PERKARA	BILANGAN PESERTA LUAR	PENDAPATAN (RM)
Penilaian Tahap Kecekapan Gred 41	7	14,000
Kursus Kaedah penyelidikan	2	2,400
Kursus Asas Pengawal Keselamatan	2	1,700
JUMLAH		18,100.00

Jadual 8: Hari Bertemu Pelanggan 2010

BIL	TARIKH	TEMA	AGENSI LUAR YANG MENGAMBIL BAHAGIAN
1	31 Mac 2010	Pengurusan Kewangan	Amanah Saham Nasional Berhad, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Tabung Haji, Pusat Kutipan Zakat Pahang, Sentoria Harta Sdn. Bhd.
2	4 Ogos 2010	Kesihatan	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia, Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan, Glaxosmithkline Pharmaceutical Sdn. Bhd., Boeringer Ingelheim, Nestle



PENGURUSAN &
PEMBANGUNAN
AKADEMIK



PENGURUSAN & PEMBANGUNAN AKADEMIK



Pengurusan dan pembangunan akademik sepanjang tahun 2010 dilihat telah melalui satu anjakan paradigma yang signifikan dengan memberi penekanan kepada aspek inovasi dan kreativiti. Ianya boleh dilihat melalui pemerkasaan program kerjasama antarabangsa, inovasi program akademik dan penghargaan kepada ahli akademik. Melalui penstrukturan semula Pusat Pembangunan & Jaminan Kualiti Akademik (CAQADE), pusat ini telah diberi nafas baharu dengan pertukaran nama kepada Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) dalam rangka untuk mewujudkan satu pelantar mengumpulkan beberapa amalan terbaik dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di samping turut memberi penumpuan kepada aspek inovasi akademik, jaminan kualiti, infrastruktur akademik dan sebagainya.

Tahun 2010 menyaksikan buat pertama kali pihak Universiti mewujudkan Anugerah Pensyarah Cemerlang yang

merupakan satu inisiatif bagi menghargai jasa ahli akademik yang telah menonjolkan kecemerlangan dan kreativiti dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Ia juga sebagai satu penghargaan oleh Universiti kepada ahli akademik yang telah menunjukkan usaha dan komitmen dalam membentuk pelajar menjadi lebih cemerlang dan bersifat holistik. Seramai dua orang ahli akademik telah menerima anugerah ini iaitu Profesor Madya Ir. Adnan bin Zulkepli dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) bagi kategori Kejuruteraan manakala bagi kategori Sastera dan Sains Sosial pula telah disandang oleh Munira binti Abdul Razak daripada Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK).

Dalam pada itu, pembangunan akademik Universiti mengorak langkah lebih dinamik apabila penawaran program kejuruteraan secara dwi ijazah bagi program Kejuruteraan Mekatronik yang dilaksanakan menerusi jaringan kerjasama bersama Hochschule Karlsruhe Technik und Wirtschaft (HsKA), University of Applied Sciences di Karlsruhe Jerman. Melalui penawaran program ini ianya telah meletakkan UMP sebagai Universiti Pertama yang menjalankan program seumpamanya. Di samping itu juga, UMP juga buat pertama kalinya telah mendapat kelulusan untuk menawarkan program Sarjana Kejuruteraan Kimia dengan Keusahawanan iaitu secara kerja kursus berbanding beberapa program pengajian siswazah sebelum ini adalah secara mod penyelidikan. Usaha ini masih

diteruskan untuk UMP membangunkan beberapa program sarjana secara kerja kursus. Lebih membanggakan lagi, keseluruhan program prasiswazah UMP telah ditambahbaik dan diperkukuhkan melalui proses semakan kurikulum di mana 100 peratus program telah mendapat kelulusan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi mengikut keperluan yang ditetapkan oleh Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM/MQF). Kejayaan ini turut terukir menerusi peningkatan daya saing dengan memberikan nilai tambah kepada program akademik sedia ada apabila mendapat pengiktirafan antarabangsa oleh pihak Washington Accord menerusi *Engineering Accreditation Council (EAC)* terhadap 13 program kejuruteraan yang merupakan nadi dalam memastikan program akademik UMP sentiasa relevan dan diiktiraf oleh badan akreditasi samada di dalam dan luar negara.

Pengurusan Akademik

Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) memperkukuhkan lagi peranannya sebagai pengerak utama dalam pengurusan, perancangan, pelaksanaan, kawalan serta penyeliaan bagi hal ehwal akademik di peringkat prasiswazah. Begitu juga dengan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) yang menjadi pemangkin kepada segala perancangan, pelaksanaan dan kawalan terhadap hal ehwal akademik pengajian siswazah. BPA dan PPS memainkan peranan utama dalam setiap urusan berkaitan dengan hubungan akademik, pengambilan dan kemasukan pelajar, pendaftaran pelajar, pendaftaran kursus, rekod pelajar, peperiksaan dan penganugerahan, promosi, konvokesyen, senat dan sebagainya.



Penawaran Program Akademik

Bagi tahun 2010, sejumlah 59 program akademik ditawarkan di peringkat prasiswazah dan pengajian siswazah. Sejumlah 27 program peringkat prasiswazah ditawarkan oleh UMP masing-masing 21 program di peringkat Sarjana Muda dan lima program di peringkat diploma. Manakala sejumlah 32 program pula ditawarkan di peringkat pengajian siswazah dengan 18 program di peringkat Ijazah Sarjana dan 14 program di peringkat Ijazah Kedoktoran. Penawaran program ini ditawarkan oleh tujuh fakulti. Berikut adalah senarai fakulti dan program yang ditawarkan pada Sesi Akademik 2010/2011 seperti berikut:

Jadual 9: Senarai Fakulti dan Program Yang Ditawarkan Pada Sesi Akademik 2010/2011

FAKULTI	PROGRAM YANG DITAWARKAN	
	PRASISWAZAH	PENGAJIAN SISWAZAH
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Dengan Persekitaran Diploma Kejuruteraan Awam 	<ul style="list-style-type: none"> Doktor Falsafah (Awam) Doktor Falsafah (Pembinaan) Sarjana Kejuruteraan (Awam) Sarjana Kejuruteraan (Pembinaan)
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Sistem Kuasa) Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Industri) 	<ul style="list-style-type: none"> Doktor Falsafah (Elektrik) Doktor Falsafah (Elektronik) Doktor Falsafah (Instrumentasi) Sarjana Kejuruteraan (Elektrik) Sarjana Kejuruteraan (Elektronik) Sarjana Kejuruteraan (Instrumentasi)
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas) Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses) 	<ul style="list-style-type: none"> Doktor Falsafah (Bio-Proses) Doktor Falsafah (Kimia) Sarjana Kejuruteraan (Bio-Proses) Sarjana Kejuruteraan (Kimia)

FAKULTI	PROGRAM YANG DITAWARKAN	
	PRASISWAZAH	PENGAJIAN SISWAZAH
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal • Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kejuruteraan Industri • Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kejuruteraan Automotif • Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Biomekanikal • Diploma Kejuruteraan Mekanikal 	<ul style="list-style-type: none"> • Doktor Falsafah (Automotif) • Doktor Falsafah (Mekanikal) • Sarjana Kejuruteraan (Automotif) • Sarjana Kejuruteraan (Mekanikal)
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT)	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan • Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik • Sarjana Muda Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dengan Kepujian • Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri dengan Kepujian • Sarjana Muda Pengurusan Projek Dengan Kepujian • 	<ul style="list-style-type: none"> • Doktor Falsafah (Pembuatan) • Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) • Sarjana Kejuruteraan (Pembuatan) • Sarjana Pengurusan Teknologi (Pengurusan Projek) • Sarjana Pengurusan Teknologi (Keselamatan & Kesihatan Industri) • Sarjana Pengurusan Teknologi (Pengurusan Operasi) • Sarjana Pengurusan Teknologi (Sumber Kapital Manusia) • Sarjana Pengurusan Teknologi (Tekno-Keusahawanan)
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) • Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer & Rangkaian) • Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Grafik & Multimedia) • Diploma Sains Komputer 	<ul style="list-style-type: none"> • Doktor Falsafah (Sains Komputer) • Sarjana Sains (Komputer) • Sarjana Sains (Kejuruteraan Perisian)
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	<ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Kimia Industri • Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Bioteknologi Industri 	<ul style="list-style-type: none"> • Doktor Falsafah (Bioteknologi) • Doktor Falsafah (Kimia Industri) • Doktor Falsafah (Bahan Termaju) • Sarjana Sains (Bioteknologi) • Sarjana Sains (Kimia Industri) • Sarjana Sains (Bahan Termaju)


POPULASI PELAJAR

Bilangan pelajar mengikut fakulti yang mengikuti semua peringkat pengajian sama ada peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Kedoktoran bagi Sesi Akademik 2010/2011 adalah seperti berikut:

Jadual 10: Bilangan Pelajar Mengikut Fakulti Yang Mengikuti Semua Peringkat Pengajian Bagi Sesi Akademik 2010/2011

FAKULTI	PRASISWAZAH		PENGAJIAN SISWAZAH	
	DIPLOMA	SARJANA MUDA	SARJANA	PhD.
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam	122	860	11	12
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	121	789	5	3
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli	99	999	48	6
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	104	914	10	2
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi	-	751	6	4
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian	130	636	22	24
Fakulti Sains & Teknologi Industri	-	345	26	-
JUMLAH	576	5294	128	51

Carta 11: Populasi Pelajar Bagi Semua Peringkat Pengajian



Jadual berikut pula menunjukkan bilangan pelajar baharu yang mendaftar pada sesi akademik 2010/2011 bagi semua peringkat pengajian adalah seperti berikut:

Jadual 11: Bilangan Pelajar Baharu Yang Mendaftar Pada Sesi Akademik 2010/2011 Bagi Semua Peringkat Pengajian

FAKULTI	PRASISWAZAH		PENGAJIAN SISWAZAH	
	DIPLOMA	SARJANA MUDA	SARJANA	PhD.
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam	28	269	4	2
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	23	234	3	5
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli	34	289	13	14
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	30	213	9	5
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi	-	335	8	10
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian	46	239	2	1
Fakulti Sains & Teknologi Industri	-	188	-	6
JUMLAH	161	1,767	39	43

Ahli-ahli PPMT bergambar beramai-ramai di hadapan bangunan Perpustakaan UIAM, Kampus Bandar Indera Mahkota sebelum Mesyuarat Agung Tahunan dijalankan.



PEMBANGUNAN
FIZIKAL KAMPUS



PEMBANGUNAN FIZIKAL KAMPUS

Pembangunan Kampus UMP Gambang

Tahun 2010 merupakan tahun pelaksanaan bagi pembangunan keseluruhan Projek Pembangunan UMP di bawah peruntukan RMK-9. Semua projek pembangunan fizikal begitu rancak dilaksanakan di Kampus UMP Pekan dan Kampus UMP Gambang.

Dalam usaha menyediakan prasarana terbaik bagi menampung program pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan modal insan, Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH) komited untuk menyiapkan beberapa projek fizikal. Bagi tahun 2010, sebanyak RM 4.12 juta telah dibelanjakan bagi kerja-kerja pengubahsuaian dan kerja-kerja penyelenggaraan bagi Kampus UMP Pekan dan Kampus UMP Gambang.



Pengubahsuaian Pejabat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)



Pengubahansuaian Pejabat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)



Pengubahsuaian ASTAKA



Pengubahsuaian Pusat Kerjaya Akademik German

Pengubahsuaian Pusat Kebudayaan & Bahasa Mandarin

Pembangunan Kampus UMP Pekan

Pada tahun 2010, pembangunan Kampus UMP Pekan melibatkan pembangunan Fasa 1B. Fasa 1B merangkumi pembinaan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Perpustakaan dan Kolej Kediaman Pelajar.

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Bangunan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan menelan kos sebanyak RM 100 juta. Luas lantai bangunan tersebut adalah sebanyak 15,074 meter persegi. Bangunan ini mengandungi satu blok pentadbiran, dua blok bilik pensyarah, satu blok dewan kuliah dan bilik kuliah. Projek ini dijangka siap pada Ogos 2011.

Gambar-Gambar Projek Pembangunan Dan Pengubahsuaian Kampus UMP Pekan



Perpustakaan

Bangunan Perpustakaan menelan kos sebanyak RM 50 juta. Luas lantai bangunan tersebut adalah sebanyak 16,000 meter persegi. Bangunan ini mengandungi auditorium, bilik-bilik seminar, ruang bacaan dan bahagian pentadbiran. Projek ini dijangka siap pada Julai 2011.





Kolej Kediaman Pelajar

Bangunan Kolej Kediaman Pelajar yang mampu menempatkan seramai 648 pelajar ini mengandungi 326 buah bilik dengan kapasiti dapat memuatkan dua orang pelajar sebilik. Manakala kemudahan sokongan yang terdapat di kolej tersebut termasuklah kafetaria dan pejabat pengurusan asrama. Projek kolej kediaman ini menelan kos sebanyak RM 19.86 juta dan telah siap pada Mei 2010.



Kolej Kediaman Pelajar

Bangunan Kolej Kediaman Pelajar ini boleh menampung seramai 1,400 pelajar mengandungi 700 buah bilik dengan kapasiti dapat memuatkan dua orang pelajar sebilik. Manakala kemudahan sokongan yang terdapat di kolej tersebut termasuklah enam buah rumah felo, pusat pelajar, kafetaria dan pejabat pengurusan asrama. Projek kolej kediaman ini menelan kos sebanyak RM 53.74 juta dan dijangka siap April 2011.



PEMBANGUNAN &
AKTIVITI PELAJAR



PEMBANGUNAN & AKTIVITI PELAJAR



Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) bertanggungjawab menguruskan kebajikan dan pembangunan pelajar secara holistik melalui penyediaan perkhidmatan dan kemudahan sokongan pelajar yang kondusif serta pengurusan pelbagai aktiviti ke arah mewujudkan pengalaman kehidupan kampus yang menyeluruh. Jabatan ini juga menguruskan jaringan perhubungan di antara universiti dan alumninya.

Urusan kebajikan dan pembangunan pelajar adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Jabatan ini secara berterusan berusaha untuk mewujudkan pengalaman kehidupan kampus yang menyeluruh (*total campus experience*) serta persekitaran kampus yang lengkap dan selesa melalui pelbagai perkhidmatan kebajikan dan sokongan kepada para pelajar.

Perumahan dan Kemudahan Pelajar

Dalam usaha mewujudkan suasana persekitaran kampus yang lengkap dan selesa untuk menyokong proses pembangunan pelajar yang holistik, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni sentiasa memberikan keutamaan kepada penyediaan kemudahan fizikal yang lengkap dan perkhidmatan kebajikan yang cekap serta berkualiti. Kemudahan fizikal di kolej-kolej kediaman dipertingkatkan dari semasa ke semasa sesuai dengan pertambahan jumlah pelajar.

Penambahan ruang perbincangan berbumbung di Kolej Kediaman Pelajar 1 telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar. Penambahan ruang ini memberi kemudahan kepada pelajar mengadakan perbincangan berkumpulan di dalam kawasan kolej kediaman. Manakala ruang kedai runcit yang beroperasi di dalam kawasan kolej berkenaan juga telah dinaiktaraf dengan pemasangan dinding kaca serta penghawa dingin bagi meningkatkan keselesaan kepada pelajar.

Kolej Kediaman Pelajar Ke-5, Kampus Pekan

Kemudahan perumahan pelajar telah bertambah dengan siapnya pembinaan sebuah lagi kompleks asrama Kampus Pekan. Kolej Kediaman Pelajar ke-5 yang telah mula beroperasi pada bulan Julai 2010 ini boleh menampung seramai 648 orang pelajar. Kolej ini menempatkan para pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE). Pelajar tahun 3 dan 4 dari kedua-dua fakulti berkenaan telah menjadi kumpulan perintis yang menghuni Kolej Kediaman Pelajar yang pertama di Kampus UMP Pekan. Dengan pembukaan kolej ke-5 ini, jumlah kolej kediaman telah meningkat daripada empat buah kepada lima buah dengan jumlah kapasiti 6,628 orang berbanding 6,239 orang pada tahun 2009.

Kebajikan dan Pembiayaan Pelajar

Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Pelajar Miskin

Pada 18 Ogos 2010, seramai 18 orang pelajar telah menerima bantuan zakat dari Tabung Amanah Zakat. Setiap seorang pelajar menerima bantuan antara RM300 hingga RM500. Sumbangan ini diberikan kepada pelajar-pelajar yang datang dari latar belakang keluarga yang susah atau adik beradik ramai, anak yatim dan keluarga hilang sumber pendapatan akibat hilang upaya bagi meringankan bebanan kewangan yang ditanggung mereka. Sumbangan dalam bentuk cek ini disampaikan oleh Canselor UMP, KDYTM Tengku Mahkota Pahang pada Majlis Berbuka Puasa yang diadakan di Dewan Astaka UMP.

Program Fitrah Amal

Bahagian Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar dengan kerjasama bahagian Kaunseling & Kerjaya telah menganjurkan Program Fitrah Amal pada 2 September 2010 bertempat di gedung membeli-belah Kamdar dan Butik Tradisional Melayu Kuantan. Tujuan program ini ialah untuk meraikan pelajar-pelajar Borneo yang tidak dapat pulang beraya di kampung disebabkan jarak perjalanan yang jauh dan tambang kapal terbang yang mahal. Seramai 13 orang pelajar telah menerima sumbangan RM200 bagi pakaian hari raya dan RM50 duit raya setiap seorang.



Dermasiswa Pelajar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni juga menerima dan mengagihkan wang dermasiswa yang disumbangkan oleh syarikat-syarikat swasta. Seramai 200 orang pelajar yang kebanyakannya datang dari keluarga yang susah dan berpendapatan rendah telah dipilih untuk menerima wang dermasiswa tersebut. Pemilihan mereka dibuat berdasarkan cadangan dan sokongan pihak fakulti, penasihat akademik dan juga pegawai kaunseling mengikut kriteria yang tertentu. Setiap pelajar menerima bantuan sebanyak RM1,000 seorang.

Bantuan Zakat MUIP

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni juga telah diamanahkan oleh Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) untuk mengagihkan bantuan zakat kepada para pelajar UMP yang layak menerima zakat. Pada tahun 2010, MUIP telah memperuntukkan sejumlah RM60,000 wang zakat kepada UMP. Bantuan zakat tersebut bertujuan untuk menampung sebahagian daripada yuran pengajian yang tertunggak, menampung kos sara hidup serta perbelanjaan peralatan pembelajaran pelajar-pelajar yang kurang upaya di UMP.

Pembangunan Pelajar

Expoconvo 2010

Dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam pengurusan universiti, pihak pengurusan UMP telah menyerahkan urusan pengendalian Minggu Induksi Siwa (MINDS) dan Expoconvo sempena majlis konvokesyen universiti kepada para pelajar semenjak tahun 2009. Bagi tahun 2010, Expoconvo yang bertemakan '*Inspiration Through Intellectual Journey*' telah dilaksanakan oleh para pelajar selama lima hari mulai 6 hingga 10 Oktober 2010.

Pengucapan Awam

Pasukan Debat UMP Kategori Bahasa Melayu Utama telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Debat DiRaja ke-14 2010 yang berlangsung dari 17 hingga 22 Disember 2010 di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM).

Pasukan UMP yang diwakili oleh Mohd Jumain Maplati, Muhammad Qusyairi Hashim, Siti Aisyah Mustapha dan Mohd Khairi Kamarudin menewaskan pasukan Universiti Putra Malaysia (UPM) di suku akhir sebelum tewas kepada pasukan UiTM di peringkat separuh akhir. Ini merupakan kali pertama pasukan debat UMP layak ke peringkat separuh akhir sepanjang penyertaan dalam Debat DiRaja yang menyaksikan penyertaan 76 pasukan bertanding.

Kepimpinan

Kemahiran kepimpinan merupakan salah satu daripada lapan teras pembangunan pelajar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Bagi memastikan para pelajar diberikan pendedahan dan latihan kepimpinan yang secukupnya pelbagai program pembangunan kepimpinan telah dilaksanakan melalui badan-badan pelajar. Antara program-program utama pembangunan kepimpinan yang telah dilaksanakan termasuklah Bengkel Pengurusan Kelab & Persatuan (B-Pro), Kursus Latihan Fasilitator MINDS (PROMINDS), Program Eksplorasi Pemimpin Minda Kelas Pertama ke Jakarta, *Teambuilding*, *Leadership & Secretariat Training* dan Program Pembinaan Kepimpinan Mahasiswa 2010.

Program Eksplorasi Pemimpin Minda Kelas Pertama Ke Jakarta

Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar untuk membina hubungan yang baik, berinteraksi dengan orang lain di peringkat antarabangsa dan bekerja secara efektif bersama delegasi untuk mencapai objektif yang sama. Para peserta mendapat pengalaman yang baharu berinteraksi dengan masyarakat yang berlainan latar belakang dan budaya.

Lawatan Antarabangsa

UMP menggalakan para pelajarnya meneroka peluang untuk meluaskan pandangan, memperkayakan pengetahuan dan menambah pengalaman antarabangsa mereka melalui program-program lawatan ke luar negara. Di sepanjang tahun 2010 beberapa program lawatan ke luar negara telah berjaya dilaksanakan di antaranya ialah Program Lawatan Akademik ke Jepun, penyertaan di SPMI Regional Symposium di Singapura, dan Lawatan Sambil belajar ke Singapura.



Khidmat Masyarakat

Program khidmat masyarakat dan kesukarelawanan amat penting bagi para pelajar berlatih menyumbang kembali jasa bakti mereka kepada masyarakat di sekeliling mereka. Penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawanan akan membantu mereka memahami kehidupan bermasyarakat dengan lebih baik dan membuka minda mereka untuk berfikir dan mencari jalan membantu meningkatkan lagi taraf kehidupan masyarakat di sekeliling mereka dengan pelbagai kaedah dan cara yang mereka sendiri usahakan. Dengan cara ini juga para pelajar dapat memasyarakatkan universiti dengan membawa masyarakat mengenali UMP dengan lebih dekat lagi.



Jadual 36: Senarai Program Kemasyarakatan Sepanjang Tahun 2010

BIL.	PROGRAM	ANJURAN	TARIKH	TEMPAT
1.	Program Ziarah Amal 1: Rumah Anak Yatim	Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (CHEST)	27 Mac 2010	Penempatan Anak-Anak Yatim Nadwah - Permata Camar
2.	Kem Motivasi SMK Bukit Damar	Kelab Astronomi	3-4 April 2010	Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Damar
3.	Pelancaran Sekolah Angkat CHEST	Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (CHEST)	5 April 2010	Dewan Abu Bakar As-Siddiq Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Hajjah Kalsom
4.	Kem Pemantapan Pengawas SMK Sultanah Hajjah Kalsom (SHAKS)	Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (CHEST)	9-11 April 2010	Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Hajjah Kalsom (SHAKS) & Pantai Balok
5.	Program Kilauan Mutiara'10 Siri 1 (PKM'10 Siri 1)	IN-SMARTIVE	30 April - 1 Mei 2010	Sekolah Kebangsaan Tanjung Batu
6.	Program Kembara Ilmu 2010	Pebimbing Rakan Siswa (PERSIS)	30 April - 2 Mei 2010	Sekolah Menengah Kebangsaan Mat Kilau, Kuantan
7.	Khidmat Siswa 6 (K-Siswa)	Electrical & Electronics Engineering Society (EEES)	7-9 Jun 2010	Sekolah Rendah Kebangsaan Indera Shahbandar, Kuala Pahang
8.	Program Kembara Hati (KEHATI) Siswa	Sekretariat Mahasiswa Anak-Anak Pahang (SEMAMPAN)	12-16 Jun 2010	Kampung Nyengtil, Pos Lanai, Lipis Pahang
10.	Projek Semaian Kasih 2010 Siri I (a)	IN-SMARTIVE	18-20 Jun 2010	Perkampungan Orang Asli Kampung Gadak
11.	Program Khidmat Komuniti	Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	8 Julai 2010	Pantai Air Leleh, Pekan
12.	Program Kilauan Mutiara 2010 Siri 3	IN-SMARTIVE	23-25 Julai 2010	Sekolah Menengah Kebangsaan Lepar Hilir, Kuantan
13.	Program Kilauan Mutiara 2010 Siri 5	IN-SMARTIVE	7-8 Ogos 2010	Sekolah Kebangsaan Cenderawasih, Kuantan
14.	Program Pendedahan ICT & Teknologi Kepada Sekolaj Kebangsaan Bandar 2 Paloh Hinai, Pekan	Persatuan Mahasiswa Teknologi Komputer (PETAKOM)	1 September 2010	Sekolah Kebangsaan Bandar 2 Paloh Hinai, Pekan
15.	Projek Semaian Kasih 2010 Siri I (b)	IN-SMARTIVE	24-26 September 2010	Perkampungan Orang Asli Kampung Bukit Seruk
15.	Interaksi Siswa '10	Persatuan Mahasiswa Teknologi Komputer (PETAKOM)	24-26 September 2010	Sekolah Menengah Kebangsaan Lepar Gambang
16.	Program Bersama Masyarakat di Baitul Husna (MAHABBAH)'10	Persatuan Mahasiswa Kolej Kediaman 4 (PEKA 4)	25 September 2010	Masjid Lama Bukit Sekilau, Kuantan
17.	Homestay Desa Murni, Temerloh	Kelab Sains Kemanusiaan	1-3 Oktober 2010	Kampung Desa Murni, Temerloh

Kebudayaan

UMP telah menyertai Pertandingan Festival Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (FESTKUM) yang telah diadakan di Zon Utara pada 14 – 20 Disember 2010. Peserta UMP telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan tersebut bagi kategori Nyanyian Antarabangsa. Manakala pasukan Koir UMP pula telah diberikan penghormatan untuk membuat persembahan di Istana Abu Bakar Pekan sempena memulakan hari keputeraan KDYMM Sultan Pahang yang ke-80 pada 24 Oktober 2010.

Unit Kokurikulum Berkredit

Unit Kokurikulum berperanan untuk menyelaras kursus-kursus yang berkredit, mengurus dan membantu pelaksanaan aktiviti, mengurus peralatan kokurikulum, menilai kursus-kursus yang dijalankan dan merangka serta merancang kursus-kursus yang baharu. Setakat 2010 sebanyak 20 kursus telah ditawarkan dengan penambahan empat kursus baharu iaitu Palapes Laut, KOR SISPA, Anyaman dan Paintball.

BIL.	PROGRAM	TARIKH	PESERTA	TEMPAT
1.	Ekspedisi Kembara Berbasikal	3 April 2010	100 orang	UMP-Rompin
2.	Pengtauliahian KOR Suksis	6 - 29 Jun 2010	25 orang	Universiti Malaya
3.	Kejohanan Paintball UMP 2010	30 - 31 Oktober 2010	110 orang	Padang Kompleks Sukan
4.	Latihan Induksi Pegawai Kadet Palapes Laut UMP	1 – 11 Disember 2010	34 orang	PSTL Chendering Terengganu

Jadual 37: Senarai Program Yang Dianjurkan Sepanjang Tahun 2010

Kaunseling Dan Kerjaya

Program Pembinaan Kepimpinan Mahasiswa (PEMBINA) 2010

Bahagian Kaunseling dan Kerjaya buat kali pertama telah menganjurkan Program Pembinaan Kepimpinan (PEMBINA) pada 31 Julai hingga 1 Ogos 2010. Program ini disediakan khusus untuk pelajar-pelajar cemerlang yang mendapat CGPA 3.5 dan ke atas. Seramai 40 orang pelajar telah di pilih untuk menghadiri program yang dikendalikan oleh Syarikat I-Square Training & Consultancy.

Keusahawanan

Mohammad Norshim Juara Cabaran Catur Bestari Kebangsaan Kumpulan Gempak Team 1, Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diketuai oleh Mohammad Norshim Mohammad Hashim, Nurizzudin Ahmad Hussain, Tuan Shahlan Tuan Safie, Abdullah Muhammad Nawidan dan Mohd Azizul Hafiz Abdul Sani telah memenangi Cabaran Catur Bestari Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Persada Johor pada 17 Januari 2010 yang lalu dengan mengumpulkan jumlah aset tertinggi dan sekaligus memecah rekod kejohanan sebelum ini.

Mereka membawa pulang wang tunai RM50,000.00, plak, sijil penyertaan, sijil pecah rekod, piala iringan dan piala pusingan. Manakala hadiah utama pula berupa sebuah kereta Proton Persona 1.6 telah dimenangi oleh Ketua Kumpulan Gempak Team 1 iaitu Muhammad Norshim Mohammad Hashim. Hadiah telah disampaikan oleh Pengerusi KFC, Tan Sri Muhammad Ali Hashim.

Program anjuran KFC dengan kerjasama Johor Corporation ini merupakan salah satu langkah bagi memupuk budaya pemikiran kreatif dan inovatif di kalangan mahasiswa dalam melahirkan mahasiswa yang ingin menjadikan “Keusahawanan Sebagai Kerjaya Pilihan”





Alumni

Pelancaran Alumni Bahagian Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli

Naib Canselor Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim telah merasmikan pelancaran Alumni Bahagian FKKSA pada Majlis Minum Petang di Hotel Istana Kuala Lumpur pada 13 November 2010. FKKSA merupakan fakulti pertama yang memulakan inisiatif penubuhan alumni bahagiannya di UMP.

Majlis Makan Malam Graduan Konvokesyen Ke-5 UMP

Majlis makan malam bagi meraikan para graduan Konvokesyen Ke-5 telah diadakan di Bukit Gambang Resort City pada 9 Oktober 2010. Seramai 600 orang graduan telah menghadiri majlis yang diserikan dengan kehadiran Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Beliau turut melancarkan Portal Alumni UMP yang akan menjadi saluran perhubungan utama di antara UMP dan para alumninya. Portal yang memuatkan pelbagai maklumat dan pemakluman tentang universiti yang relevan kepada para alumni ini juga memaparkan maklumat mengenai peluang-peluang pekerjaan yang sesuai dengan bidang pengajian mereka.

Alumni UMP Penerima Anugerah Nadi Negara


Graduan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Emma Sofia Zulkifli telah terpilih menerima Anugerah Nadi Negara sempena Perhimpunan Agung UMNO 2010 yang berlangsung di PWTC, Kuala Lumpur pada 20 Oktober 2010. Kejayaan beliau adalah bertitik tolak dari penglibatan yang aktif semasa di kampus dan sentiasa terlibat dengan program-program kemasyarakatan. Selain Exco Majlis Perwakilan Pelajar MPP sesi 07/08, beliau turut terlibat dengan Misi Bantuan Banjir Sekitar Pahang pada 2007 dan 2008. Beliau juga merupakan Pengarah Program bagi pelbagai aktiviti di UMP serta terlibat dengan Kor SUKUIS. Beliau menerima wang tunai, trofi, sijil penyertaan dan hadiah iringan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Ketua Wanita UMNO pada majlis tersebut.

Kebolehpasaran Graduan


Jadual 38: Data Kebolehpasaran Graduan UMP Bermula Konvokesyen Pertama hingga Ke-5 Bagi Tahun 2010.

BIL.		STATUS GRADUAN				
		BEKERJA	MELANJUTKAN PELAJARAN	TIDAK BEKERJA	MENINGGAL DUNIA	JUMLAH
1.	KONVOKESYEN PERTAMA	277	82	5	0	364
2.	KONVOKESYEN KE-2	518	177	27	0	722
3.	KONVOKESYEN KE-3 (SIDANG 1)	417	121	42	2	582
4.	KONVOKESYEN KE-3 (SIDANG 2)	198	43	69	0	310
5.	KONVOKESYEN KE-4	557	177	100	0	834
6.	KONVOKESYEN KE-5	687	138	205	0	1,030
JUMLAH GRADUAN KESELURUHAN		2,654	738	448	2	3,842

Carta 30: Statistik Kebolehpasaran Graduan UMP Bermula Konvokesyen Pertama Hingga Ke-5 Bagi Tahun 2010



Carta 31: Peratusan Kebolehpasaran Graduan UMP Bermula Konvokesyen Pertama Hingga Ke-5 Bagi Tahun 2010



Aktiviti Pelajar

Kepimpinan



Program Fasilitator Minggu Induksi Siswa 2010 (PROMINDS 10)



Program Eksplorasi Pemimpin Minda Kelas Pertama Ke Jakarta



Kembara Ilmu ke Institut Pertanian Bogor



'Mahasiswa Prihatin' (Kesihatan & Khidmat Komuniti di Kampung. Jati Nangor)



Lawatan Antarabangsa



Beijing Education Smart Tour di Beijing, China



Daya Inovasi dan Kreatif



Keusahawanan



Khidmat Masyarakat



Kebudayaan



Lawatan Industri

Perumahan Dan Kemudahan Pelajar

Ruang perbincangan pelajar



Naiktaraf kedai runcit



Kediaman pelajar di Kampus Pekan



Bilik Tayangan



Bilik Aktiviti Persatuan



Gelanggang Bola Jaring



Gelanggang Futsal

Kemudahan *indoor games*

Pelancaran Pusat Sukan Tumpuan Bola Keranjang

UMP telah berjaya melancarkan Pusat Sukan Tumpuan (PST) Bola Keranjang pada 10 Oktober 2010 bertempat di Stadium Tertutup SUKPA, Bandar Indera Mahkota, Kuantan. Pelancaran Pusat Sukan Tumpuan (PST) ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia selaku Penaung program ini. Majlis Pelancaran PST Bola Keranjang ini juga telah disaksikan oleh hampir 700 orang pemain Bola Keranjang dari seluruh pelosok tanah air.

UMP telah dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) sebagai PST Bola Keranjang Malaysia bagi peringkat Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (IPT). Fungsi PST adalah sebagai Pusat Pembangunan Sukan Bola Keranjang di Malaysia dari peringkat akar umbi sehingga mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 30 peratus atlet negara adalah dari IPT dan melahirkan *The Thinking Athlete(S)*. Pusat Sukan Tumpuan ini juga akan menjadi Pusat Rujukan bagi pembangunan sukan Bola Keranjang di tanah air.

Hala tuju pembangunan sukan adalah mengikut perancangan yang telah dirancang hasil kerjasama antara Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan dan Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA).



Pusat Sukan Tumpuan : Karnival Bola Keranjang 3 On 3 2010

Karnival Bola Keranjang 3 on 3 Piala Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia telah berlangsung dengan jayanya pada 8 hingga 11 Oktober 2010 bertempat di Stadium Tertutup SUKPA Indera Mahkota, Kuantan. Karnival ini melibatkan dua kategori iaitu Kategori IPT dan Kategori Sekolah Menengah. Kejohanan kali ini menyaksikan sebanyak 113 pasukan IPT dan 20 buah sekolah menengah telah mengambil bahagian. Bag peringkat IPT, pasukan dari Universiti Malaysia (UM) A telah dinobatkan juara bagi kategori lelaki dengan menewaskan saingan sengit Universiti Putra Malaysia (UPM) A manakala bagi kategori wanita dijuarai oleh pasukan Universiti Sains Malaysia (USM) A setelah menundukkan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) D.

Peringkat Sekolah Menengah kategori lelaki pula diungguli pasukan dari Majlis Sukan Sekolah Kelantan (MSSK) yang berjaya menewaskan Sekolah Menengah Kebangsaan Air Putih Kuantan dan bagi kategori wanita dimenangi oleh pasukan Sekolah Menengah Kebangsaan Air Putih (A).

Majlis penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Johan bagi kategori IPT telah menerima wang tunai RM2,000.00, piala pusingan, piala iringan, barangan produk Nestle, medal dan sijil. Manakala bagi kategori Sekolah Menengah hadiah berupa wang tunai sebanyak RM1,000.00, piala pusingan, piala iringan, barangan produk Nestle, medal dan sijil.

UMP Menang Pingat Gangsa di Malakoff University Duathlon Series 2010

UMP telah menghantar penyertaan pelajar bagi menyertai Malakoff University Duathlon Series yang telah diadakan di tiga buah universiti iaitu Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada 24 Julai 2010, Universiti Malaysia (UM) pada 31 Julai 2010 dan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 7 Ogos 2010. UMP telah menghantar empat pasukan bagi kategori *Men Relay*. Pada Siri I di UPNM, pasukan UMP meraih kedudukan 10 terbaik manakala pada siri ke-II di UM, pasukan *UMP Bikes On Bikes Underdog* telah menunjukkan prestasi yang amat baik dan seterusnya memenangi pingat gangsa dalam kategori tersebut.

UMP Raih 1 Emas dan 1 Perak di Kejohanan Perak Salomon Suunto 12h Night Rogaining Navigation 2010

Pada 27 hingga 28 November 2010, UMP telah menghantar seramai 18 orang pelajar untuk menyertai kejohanan ini. Ini merupakan kali kedua penganjurannya di Malaysia setelah kejohanan pertama berjaya dianjurkan di Taiping Perak tahun lalu dan ianya telah berjaya disenaraikan di dalam *Malaysia Book of Records* sebagai *First Rogaining Event in Malaysia*. Pasukan UMP telah mengungguli bagi kategori Lelaki Terbuka dalam kejohanan tersebut:

PASUKAN	CATATAN MASA	MATA	KEDUDUKAN
UMP Kuda Belang	10:47 pm	30	Johan
UMP <i>Elite Team</i>	10:47 pm	28	Naib Johan
PSIS A	10:29 pm	22	Ketiga
UMP Paling Ganas	10:49 pm	21	Keempat
UMP Centella	10:49 pm	21	Kelima

Rakan Muda GACC International Inter Varsity Chess 2010

Pusat Sukan UMP telah menghantar penyertaan pemain Catur ke Kejohanan Rakan Muda GACC International Inter Varsity Chess 2010 yang telah diadakan di Universiti Malaya (UM) pada 14 hingga 21 Disember 2010. Kejohanan ini melibatkan penyertaan peserta dari dalam dan luar negara. Pada kejohanan ini atlet UMP telah menunjukkan prestasi yang baik apabila berjaya menduduki tempat ketiga di peringkat Malaysia dan tempat kesembilan di peringkat antarabangsa. Berikut adalah pencapaian terbaik pemain UMP:

PESERTA	PERINGKAT
Zarul Shazwan Zulkafli	Malaysia : Tempat ke-1 Antarabangsa : Tempat ke-12
Ayu Annur Fetrah	Malaysia : Tempat ke-2 Antarabangsa : Tempat ke-14

UMP Menang 4 Pingat Emas Di Kejohanan 3rd MTUN Sport Meet 2010, UTHM

UMP telah menyertai Kejohanan 3rd MTUN Sport Meet 2010 yang berlangsung di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 24 hingga 26 Disember 2010. Kejohanan ini melibatkan empat buah universiti teknikal iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan UMP yang melibatkan kategori staf dan pelajar. Pada kejohanan kali ke-3 ini, UMP menghantar sebanyak empat pasukan iaitu Futsal (L) pelajar, Futsal (L) staf, Bola Tampar (L) pelajar dan Bola Tampar (W) pelajar. Pasukan UMP telah menjuarai ke semua acara yang disertai.

Pasukan Futsal UMP Antara 16 Terbaik Di kalangan IPT Malaysia

Setelah mengharungi sirkit yang dipecahkan kepada zon-zon dalam Kejohanan Futsal Piala Menteri Pengajian Tinggi 2010, Pasukan UMP telah menempatkan diri di kalangan 16 pasukan terbaik di antara IPT Malaysia dan beraksi di Grand Finale. Kejohanan Futsal Piala Menteri Pengajian Tinggi 2010 – Grand Finale 2010 telah diadakan di Kompleks Sukan Lelaki, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 27 hingga 30 Disember 2010 dan telah dijuarai oleh pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM).



UMP Menang 1 Pingat Emas Dan 1 Pingat Perak Di Kejohanan Varsity Boat Race 2010

Pusat Sukan UMP telah menghantar penyertaan pelajar menyertai Kejohanan *Varsity Boat Race 2010* yang telah berlangsung pada 4 hingga 10 Oktober 2010 bertempat di Kompleks Sukan Air, Putrajaya. Atlet UMP telah berjaya memenangi pingat emas dalam acara *Men Touring Kayak Single (MTK1) 500m* yang disumbangkan oleh Ahmad Saifuddin Jamaluddin. Manakala pingat gangsa telah disumbangkan oleh Myrza Fasha Md Hamyudin dan Nor Azni Abdul Latif dalam acara *Women Touring Kayak Double (WTK2) 1000m*.

Pasukan Kriket UMP Ke-2 Terbaik Di Pahang

Pasukan Kriket UMP yang dibarisi oleh pelajar tempatan dan antarabangsa menduduki tempat kedua dalam Kejohanan Liga Kriket Negeri Pahang 2010 yang disertai oleh seluruh kelab di negeri Pahang. Kejohanan diadakan selama tiga minggu di Padang Kriket Kemunting, Kuantan pada 26 Jun hingga 10 Julai 2010.

**Hoki Dewan Diperkenalkan di UMP**

Sukan Hoki Dewan merupakan antara sukan baharu yang dipertandingkan di peringkat MASUM dan kebangsaan dan Pusat Sukan UMP mengambil inisiatif untuk memperkenalkan dan membangunkan Sukan Hoki Dewan di UMP. Bagi menggalakkan penglibatan pelajar UMP, sebanyak dua kejohanan telah disertai bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar iaitu Kejohanan Hoki Dewan MASUM 2010 pada 30 Julai hingga 1 Ogos 2010 dan Kejohanan Hoki Dewan Terbuka UPSI pada 22 hingga 24 Oktober 2010 di Gelanggang Serbaguna Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak.

**10 Pelajar UMP Beraksi di Kejohanan Tae Kwan Do Terbuka UKM 2010**

Kejohanan Tae Kwan Do Terbuka Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2010 telah diadakan pada 24 hingga 26 September 2010 di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), UKM. Kejohanan ini merupakan antara kejohanan tahunan yang disertai oleh pasukan Tae kwan do UMP. Pada kejohanan tersebut seramai sepuluh orang pelajar UMP yang terdiri daripada tujuh orang lelaki dan tiga orang wanita telah menyertainya dan telah memenangi satu pingat perak dan satu pingat gangsa.



FKM Juara Sukfac Edisi Pertama

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah menjuarai Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SukFAC) UMP, 2010 Edisi Pertama yang diadakan pada 2 hingga 24 Oktober 2010 bertempat di Kompleks Sukan UMP. Kejohanan ini telah disertai oleh tujuh fakulti di UMP dan sebanyak sembilan sukan dipertandingan yang melibatkan 16 acara terdiri daripada Bola Jaring, Badminton (L&W), Tenpin Bowling – Individu dan Berpasukan (L&W), Bola Sepak 9's, Bola Tampar (L&W), Bola Baling (L&W), Sepak Takraw, Catur (L&W) dan Ping Pong (L). FKM telah menjuarai enam daripada 16 acara yang dipertandingkan dan secara rasminya menjuarai kejohanan pada tahun 2010. Berikut adalah kedudukan pasukan dalam kejohanan tersebut:

Johan	-	FKM	(72 mata)
Ke-2	-	FKEE	(65 mata)
Ke-3	-	FKASA	(33 mata)
Ke-4	-	FSKPP	(24 mata)
Ke-5	-	FKPPT	(19 mata)
Ke-6	-	FKKSA	(13 mata)
Ke-7	-	FIST	(10 mata)

Pasukan Karate-Do UMP Cemerlang Dalam Penyertaan Pertama

Sukan Karate-Do antara sukan baharu yang diperkenalkan di UMP. Semenjak pembentukan pasukan Karate-Do pada tahun 2009, Kejohanan Karate-Do Terbuka UIAM merupakan kejohanan jemputan pertama yang disertai oleh pasukan UMP. Kejohanan tersebut telah diadakan pada 1 hingga 3 Oktober 2010 bertempat Kompleks Sukan Wanita, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan disertai oleh pelajar UMP yang terdiri daripada lima orang lelaki dan seorang wanita telah memenangi tiga perak dan tujuh gangsa. Antara penyumbang pingat perak adalah Maniyarasan A/L Sabapathy dan Darinie Awang Mohdar bagi acara Kumite serta Mohd Asraff Razali bagi acara Kata.



UMP Juara Kejohanan Catur Rapid Master Remaja Kuantan Kali Ke-3, 2010


Pasukan Catur UMP telah menjuarai Kategori Lelaki dan Wanita dalam Kejohanan Catur Rapid Master Remaja Kuantan Kali Ke-3 2010 yang telah diadakan pada 8 Ogos 2010 bertempat di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Kuantan. Kejohanan ini merupakan pendedahan kepada atlet catur UMP bagi menghadapi kejohanan MASUM akan datang. Pemenang bagi Kategori Lelaki adalah Muhd Qhaider Zulkafli dan Kategori Wanita adalah Siti Ros Aishah Rosli.



TEKNOLOGI MAKLUMAT
& KOMUNIKASI



TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI



Urusan Surat Menyurat Universiti Lebih Efektif Dengan *e-LETTERS*

e-Letters ialah satu inisiatif melalui Jawatankuasa Sistem UMP yang telah dilancarkan di peringkat universiti pada bulan Februari 2010. Ia adalah satu sistem pengurusan surat menyurat dan dokumen yang menyeluruh. Sistem yang pada permulaannya diguna pakai di Pejabat Naib Canselor kini telah diintegrasikan kepada seluruh jabatan bagi melancarkan proses urusan dokumentasi universiti.

Selaras dengan perkembangan jabatan yang pesat di universiti, sistem ini dapat menjamin proses edaran yang lebih pantas, pemantauan yang sistematik berdasarkan tanda aras tempoh masa bagi tindakan yang perlu diambil dan

capaian pantas kepada sistem penfailan jabatan adalah antara faktor kritikal kepada pentadbiran yang cekap dan berkesan.

Justeru, matlamat organisasi yang menggariskan sasaran di mana capaian kepada dokumen jabatan adalah di bawah tempoh masa kurang dari lima minit, dapat direalisasikan dengan penggunaan teknologi terkini. Antara kebaikan lain yang dapat diperoleh adalah memastikan dokumen-dokumen lama tidak lusuh dan mengelakkan kehilangan dokumen yang disimpan secara fizikal dalam tempoh masa yang lama.

Sistem yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang mematuhi peraturan urusan dokumentasi juga hanya memberi akses kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan kerahsiaan maklumat terjaga.

1UMP

PERHUBUNGAN INTER KAMPUS MELALUI
METRO-E LINE
DENGAN KELAJUAN (BANDWIDTH) 40MBPS



Projek Metro E dan Hotzone Merealisasikan 1 UMP

Penggunaan aplikasi ICT telah dikenal pasti oleh kerajaan sebagai antara pengupaya utama (*key enabler*) kepada usaha-usaha Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih berkesan dan cekap di dalam sesebuah institusi.


Pelaksanaan projek Hotzone atau *wireless campus* oleh pihak Telekom dan projek menghubungkan dua Kampus UMP iaitu Gambang dan Pekan menjadi 1 UMP dilihat menjadi faktor penjimatan kos logistik, pengangkutan, komunikasi dan mengurangkan masa operasi serta mengurus bagi menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan.

Pelaksanaan *wireless campus* ini juga mengambil inisiatif daripada Pelan Strategik UMP 2008-2010 di mana ianya memberikan pilihan dan kemudahan yang lebih baik kepada para pelajar dan staf selain kemudahan rangkaian berwayar di ruangan kerja dan asrama pelajar.

Kemudahan Internet dan Intranet universiti di antara dua kampus UMP menjadi lebih mudah dan pantas dengan pelaksanaan projek Metro E terutama bagi meningkatkan kecekapan urus tadbir universiti. Operasi universiti seperti program Minggu Induksi Siswa (MINDS), Pilihan Raya Kampus (*E-Votting System*) dan Proses Pendaftaran Pelajar dapat dibuat secara serentak dalam satu

masa di dua kampus yang berlainan. Ini membolehkan urusan pentadbiran universiti dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan walaupun dengan jarak 60 km di antara Kampus Gambang dan Pekan.

Bagi memudahkan perhubungan dan telekomunikasi dapat berjalan tanpa gangguan di antara dua buah kampus yang berlainan, projek Metro E berjaya menyokong universiti melalui kos panggilan telefon yang murah, urusan faksimili dan menyokong majlis-majlis universiti dengan kemudahan *video conference*.



Projek Migrasi 9i Ke 11g R2 Meningkatkan Keupayaan Pangkalan Data Universiti

Permintaan kepada aspek IT yang seiring teknologi masa kini amat mendesak bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran universiti beroperasi dengan cekap dan berkesan. Justeru, pihak universiti secara rasminya melaksanakan projek yang merangkumi skop naik taraf pangkalan data Oracle dari versi 9i kepada versi 11g *Released 2*, penyediaan *Real Application Cluster (RAC)* dan penyediaan server bagi tujuan disaster recovery menggunakan *Oracle DataGuard*.

Projek menaiktaraf perkakasan, pangkalan data Oracle dan sistem aplikasi universiti yang telah bermula sejak tahun 2007 ini melibatkan tiga

aktiviti utama iaitu menaik taraf struktur maklumat, menaik taraf pangkalan data Oracle dan menaik taraf sistem aplikasi universiti.

Antara impak kepada pelaksanaan projek ini adalah peningkatan kepastan capaian pihak luar terhadap maklumat universiti melalui laman sesawang, mengoptimalkan kadar keupayaan sistem aplikasi universiti dan kadar peratusan uptime kepada sistem infrastruktur maklumat dan sistem aplikasi UMP meningkat kepada 99.99 peratus.

Terdapat lebih sejumlah 200 sistem aplikasi yang telah dibangunkan di

universiti untuk menyokong pengurusan dan pentadbiran yang lebih cekap. Daripada manfaat projek ini kadar keupayaan sistem-sistem seperti di bawah dapat dipertingkatkan dan memberikan kemudahan proses kerja dan capaian maklumat di jabatan semudah di hujung jari mereka.

- *E-Community Staff*
- *E-Community Pelajar*
- *Integrated Management System Financial System*
- *Integrated Management System Human Resource System*
- *Integrated Management Academic*
- *Integrated Management Student*

PENGURUSAN
KUALITI &
PRODUKTIVITI



PENGURUSAN KUALITI & PRODUKTIVITI

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) merupakan dokumen yang menterjemahkan hala tuju dan memperkasakan pendidikan tinggi negara menjelang tahun 2020. Ia memberi penekanan kepada pembangunan modal insan dan modal intelek yang berkualiti bagi mendukung aspirasi negara untuk menjadi sebuah negara maju, makmur dan kompetitif. Pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) di peringkat IPTA adalah berpandukan kepada 14 Projek Agenda Kritikal (CAPs) yang dipantau secara berterusan oleh Pejabat Pengurusan Program menerusi sistem *e-PMO* dan status pencapaiannya diterjemahkan mengikut warna seperti berikut :

Jadual 39: Petunjuk Status Pencapaian PSPTN

WARNA	PETUNJUK
	Belum dilaksanakan
	Sedang dilaksanakan
	Sasaran tercapai

Secara amnya, pencapaian keseluruhan PSPTN UMP tahun 2010 adalah seperti berikut:

Jadual 39: Pencapaian UMP dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) tahun 2010

BIL.	PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAPS)	KPI	SASARAN 2010	PENCAPAIAN 2010	PETUNJUK WARNA
1.	Akademia	Bilangan pensyarah asing yang cemerlang (<i>Number of excellent foreign lecturer</i>)	1	1	
		Bilangan ahli akademik yang memberi perundingan dan kepakaran dalam aktiviti <i>think tank</i> di peringkat kebangsaan/ antarabangsa	2	3	
		IPTA mengadakan majlis penganugerahan dan pengiktirafan kecemerlangan ahli akademik setiap tahun Ya (1), Tidak (0)	1	1	
2.	<i>e-Learning</i>	IPTA has <i>e-learning</i> platform Yes (1) No (0)	1	1	
3.	<i>Learning and Teaching</i>	Bilangan *prasarana di setiap IPTA yang khusus untuk P & P berasaskan SCL	5	10	
		Bilangan pensyarah yang mempunyai kebolehan menggunakan SEKURANG-KURANGNYA satu kaedah *SCL	649	527	
		Bilangan *program yang menggunakan kaedah <i>Student Centred Learning (SCL)</i>	26	21	
		Bilangan *reka bentuk kurikulum berasaskan kepada Pembelajaran Berasaskan Hasil (<i>Outcome-Based Education-OBE</i>)	26	21	
		Bilangan *staf bukan akademik menghadiri *latihan yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran sekurang-kurangnya dua hari bagi tujuh hari kursus	330	330	


BIL.	PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAPS)	KPI	SASARAN 2010	PENCAPAIAN 2010	PETUNJUK WARNA
4.	<i>Entrepreneurship</i>	Bilangan dan peratusan pelajar yang diberikan pendedahan/pembudayaan keusahawanan.	482	482	
		Peratus elemen keusahawanan yang diterapkan dalam kurikulum	0	0	
		Peratus kredit kursus keusahawanan yang ditawarkan kepada pelajar.	1.59	1.59	
		Peratus peruntukan yang dikhususkan untuk aktiviti-aktiviti pembangunan keusahawanan.	0	0	
5.	<i>Graduate Employability</i>	<i>Percentage of graduates being employed within six months after study completion.</i>	75%	73.8%	
6.	<i>Holistic Student Development</i>	Bilangan kursus kokurikulum berkredit berdasarkan kandungan (LOKI), kaedah penyampaian dan kaedah penaksiran	20	25	
		Bilangan kursus kokurikulum yang dikreditkan dalam Teras Kesukarelawanan	4	1	
		Bilangan program pengajian akademik (Ijazah Sarjanan Muda) yang melaksanakan kursus kokurikulum berkredit	20	26	
7.	<i>Industry and Academia</i>	<i>Amount (RM) of consultancy projects from industries.</i>	1000000	1906710	
		<i>Amount (RM) of contributions from industry to university</i>	2000000	2900000	
		<i>Number of academic staff undergo industrial attachment</i>	14	14	
		<i>Number of industry personnel who participate in academic related activities</i>	30	79	
8.	<i>Internationalization</i>	Jumlah pelajar yang terlibat dalam program mobiliti	200	200	
		Jumlah pelajar antarabangsa	152	156	
		Jumlah enrolmen pelajar antarabangsa di peringkat pengajian siswazah di IPT	82	100	
		Jumlah enrolmen pelajar antarabangsa di peringkat prasiswazah di IPT.	70	56	
		Jumlah pelajar antarabangsa yang ditaja oleh kerajaan /agensi luar negara	8	13	
		Jumlah program IPT yang diiktiraf oleh badan profesional antarabangsa.	10	12	
		Jumlah staf akademik antarabangsa di IPTA	40	46	

BIL.	PROJEK AGENDA KRITIKAL (CAPS)	KPI	SASARAN 2010	PENCAPAIAN 2010	PETUNJUK WARNA
9.	<i>Leadership</i>	<i>Number of Public HEIs having succession planning. [Yes(1) No(0)]</i>	0	0	
10.	<i>Lifelong learning</i>	Total enrolment into HEIs LLL programmes (IPTA)	1190	1763	
11.	<i>MyBrain15</i>	Bilangan Pelajar PhD dan setaraf di IPTA	65	103	
		Bilangan pelajar PhD warganegara yang digraduatkan oleh IPTA	1	1	
		Bilangan Pensyarah Berkelayakan PhD dan setaraf	100	105	
		Bilangan staf IPTA warganegara yang mendapat PhD dan setaraf dari luar negara dan IPTS	38	41	
12.	<i>Research and Development</i>	Jumlah dana penyelidikan yang diterima oleh IPT dari pihak swasta dan antarabangsa	400000	3100000	
		Jumlah penajaan pendapatan hasil dari pengkomersialan produk R&D IPT	500000	0	



Berdasarkan kepada pencapaian dalam jadual 1 di atas, peratus pencapaian KPI UMP tahun 2010 mengikut warna adalah seperti berikut:

Carta 32: Peratusan Pencapaian KPI UMP Dalam PSPTN Mengikut Warna Tahun 2009



Pelan Strategik UMP 2008-2010

Pencapaian Pelan Strategik UMP 2008-2010 yang bertemakan **Memperkukuhkan Asas Menjana Kecemerlangan** telah menunjukkan pencapaian yang baik sepanjang tahun 2008-2010 dalam merealisasikan objektif-objektif yang telah digariskan iaitu:

- Meningkatkan penawaran program akademik yang inovatif dan relevan industri;
- Memastikan Universiti mencapai piawaian antarabangsa;
- Mempertingkatkan kualiti sumber manusia;
- Memperkasa sistem dan operasi; dan
- Memperbanyakkan kerjasama menang-menang.

Aktiviti atau inisiatif yang relevan akan diteruskan oleh PTJ untuk memantapkan Pelan Strategik UMP yang akan datang. Berdasarkan analisa yang dilakukan, purata pencapaian bagi keseluruhan Pelan Strategik UMP 2008-2010 adalah sebanyak **69.23%**. Perincian pencapaian mengikut CSF adalah seperti berikut:

Jadual 41: Peratus Pencapaian Mengikut CSF Pelan Strategik UMP 2008-2010

CSF	PERKARA	PERATUS (%) PENCAPAIAN 2008	PERATUS (%) PENCAPAIAN 2009	PERATUS (%) PENCAPAIAN 2010
1.	Governan	76.5	89	71
2.	Pembangunan Modal Insan	48	48	60
3.	Pengajaran & Pembelajaran	63	68	50
4.	Akses & Sosioekonomi	46	19	28
5.	Perjaminan Kualiti	59	79	80
6.	Penyelidikan, Pembangunan & Pengkomersialan (R&D&C)	73.5	79	77
7.	Pembelajaran Sepanjang Hayat	91	100	100
8.	Pengantarabangsaan	53	78	76
9.	Nilai Tambah Berasaskan Teknologi	74	74	88
10.	Mekanisma Pembiayaan	37	92	100
PERATUS KESELURUHAN		62.1	72.6	73

Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran

Agenda Transformasi Pengurusan & Pentadbiran yang diperkenalkan sejak Disember 2008 adalah bermatlamatkan peningkatan kualiti sistem penyampaian agar lebih efektif dan efisien dengan mengurangkan karenah birokrasi khususnya di kalangan staf pentadbiran. Pelaksanaan tindakan oleh setiap PTJ berkenaan berasaskan kepada skala berikut:

Jadual 42: Panduan Skala Tindakan Bagi Setiap PTJ


SKALA TINDAKAN	KETERANGAN
1.	<i>Immediate Action</i> (serta-merta)
2.	<i>Medium Term Action</i> (dalam tempoh tiga hingga 6 bulan)
3.	<i>Long Term Action</i> (dalam tempoh enam bulan hingga satu tahun)
4.	<i>Review Action</i> (cadangan dikaji semula)

Berasaskan kepada isu-isu/permasalahan yang dikenal pasti, status pelaksanaan Agenda Transformasi Pengurusan & Pentadbiran di setiap PTJ adalah seperti berikut:

Jadual 43: Status Pelaksanaan Agenda Transformasi Pengurusan & Pentadbiran mengikut kategori isu

KATEGORI	STATUS			
	TELAH DILAKSANAKAN (SELESAI)	SEDANG DILAKSANAKAN (BELUM SELESAI)	BELUM DILAKSANAKAN	CADANGAN DIKAJI SEMULA
Sumber Manusia	24	10	1	4
Kewangan	19	1	1	0
Akademik	8	1	0	15
ICT	5	4	0	7
Pengurusan Logistik	11	0	1	0
Pelajar dan Kepimpinan	16	3	3	6
Imej Universiti	16	0	7	1
Kebajikan Staf	3	0	0	0
Lain-Lain Isu	2	0	0	5
JUMLAH	104	19	13	38

Carta 33: Status Pelaksanaan Bagi skala 1 hingga 3 Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran UMP




Tindakan Di Bawah Skala 4 (Cadangan Dikaji Semula) Isu-isu/permasalahan yang dikenalpasti bagi skala 4 memerlukan PTJ untuk mengkaji semula kesesuaian cadangan tersebut untuk dilaksanakan. Status pelaksanaan bagi skala ini adalah seperti berikut:

Jadual 44: Status Pelaksanaan bagi skala 4 Agenda Transformasi Pengurusan & Pentadbiran

KATEGORI	STATUS		
	CADANGAN DILAKSANAKAN (SELESAI)	CADANGAN SEDANG DILAKSANAKAN (BELUM SELESAI)	CADANGAN TIDAK DILAKSANAKAN
Sumber Manusia	2	0	2
Kewangan	0	0	0
Akademik	13	2	0
ICT	7	0	0
Pengurusan logistik	0	0	0
Pelajar dan Kepimpinan	5	0	1
Imej Universiti	0	0	1
Kebajikan Staf	0	0	0
Lain-Lain Isu	1	4	0
JUMLAH	28	6	4

Carta 34: Status Pelaksanaan Bagi Skala 4 Agenda Transformasi Pengurusan dan Pentadbiran UMP



Persijilan MS ISO 9001:2008 (Skop Perkhidmatan Luaran)

UMP melalui Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) dengan kerjasama daripada Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK) telah berjaya mengekalkan persijilan yang diperoleh sejak tahun 2004. Berdasarkan kepada *Surveillance Audit* oleh pihak SIRIM pada 27 hingga 28 September 2010 didapati terdapat hanya dua Laporan Ketidakakuran (NCR) dan tiga (3) Cadangan Penambahbaikan (OFI) yang dikenal pasti. Oleh itu, ia menunjukkan bahawa pelaksanaan MS ISO 9001:2008 (Skop Perkhidmatan Latihan Luaran) di UMP memenuhi standard yang telah ditetapkan.



Persijilan MS ISO 9001:2008 (Skop Pengajaran & Pembelajaran)

Usaha-usaha yang diambil bagi merealisasikan hasrat untuk mendapat persijilan MS ISO 9001 :2008 (Skop Pengajaran & Pembelajaran) masih berterusan melalui beberapa aktiviti yang telah dilaksanakan secara berkala sepanjang tahun 2010. Antaranya ialah Mesyuarat Jawatankuasa MS ISO 9001 : 2008, Sesi Penambahbaikan Dokumentasi Bersama Penyelaras Kualiti, Bengkel, Mesyuarat dan Taklimat Pelaksanaan MS ISO 9001 :2008 (Skop Pengajaran & Pembelajaran) kepada PTJ/Fakulti berkenaan.

Bagi memantapkan aspek dokumentasi, satu bengkel semakan semula Objektif Kualiti MS ISO 9001 : 2008 (Skop Pengajaran & Pembelajaran) telah diadakan pada 13 Mei 2010 bersama dengan Ketua-ketua Jabatan dan wakil. Dua Objektif Kualiti yang dipersetujui dan diterimapakai untuk persijilan ini ialah:

- 100 peratus program akademik yang ditawarkan mendapat pengiktirafan daripada badan profesional dan agensi kerajaan yang berkenaan.
- Kualiti pembelajaran pelajar mencapai 50 peratus indeks setiap *Program Outcome* (PO) bagi setiap program.



Sehingga 2010, usaha ke arah persijilan ini telah melepasi fasa *adequacy audit* yang diadakan pada 16 Jun 2010 oleh pihak SIRIM QAS (International) Sdn. Bhd. Berdasarkan kepada dapatan audit tersebut, UMP secara amnya telah memenuhi semua keperluan asas yang disyaratkan dan boleh memohon untuk *compliance audit* setelah semua cadangan penambahbaikan dilaksanakan terlebih dahulu.



MS ISO/IEC 17025:2005 (Sistem Pengurusan Kualiti Makmal)

Makmal *Civil Engineering Laboratory Services* (CELS) Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) telah berjaya melepasi *Compliance Audit* daripada Jabatan Standard Malaysia (DSM) dan memperoleh persijilan MS ISO/IEC 17025 : 2005 (Sistem Pengurusan Kualiti Makmal) yang telah diadakan pada 17 hingga 18 Mei 2010. Kejayaan ini adalah lebih manis kerana ia turut melakar sejarah sebagai Makmal IPTA pertama di Pantai Timur yang mendapatkan persijilan MS ISO/IEC 17025:2005.



Amalan 5S (Persekitaran Kerja Berkualiti)

Bagi menghargai usaha gigih dan komitmen yang tinggi oleh semua staf Makmal CELS di dalam persijilan ini, satu majlis penghargaan dan penganugerahan sijil tersebut telah diadakan pada 6 Ogos 2010 bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Canseleri UMP. Sijil tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Strategik, Jabatan Standard Malaysia iaitu Rafaiq Bakri Zakaria kepada Dekan FKSA iaitu Profesor Ir. Dr. Ideris b. Zakaria dan disaksikan oleh Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Naib Canselor UMP.

Pelaksanaan Amalan 5S (Persekitaran Berkualiti) di UMP telah bermula sejak Mac 2006 dan mula mendapat persijilan Amalan 5S yang pertama dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada Disember 2008. Sehingga tahun 2010, sebanyak 17 buah PTJ telah berjaya memperoleh persijilan Amalan 5S ini.

	TAHUN			JUMLAH PTJ
	2008	2009	2010	
Bilangan PTJ yang berjaya mendapat persijilan	4	7	6	17

Jadual 45: Bilangan PTJ Yang Berjaya Mendapat Persijilan Amalan 5S Pada Tahun 2008 Hingga 2010



Manakala Makmal CHEMITEL FKKSA pula telah selesai melalui proses *Adequacy Audit* pada 30 April 2010 dan *Pre-assessment* pada 9 hingga 10 Disember 2010 oleh pihak Jabatan Standard Malaysia (DSM). Dijangkakan Makmal CHEMITEL FKKSA akan melepasi *Compliance Audit* persijilan MS ISO/IEC 17025:2005 pada awal Januari 2011.





PTJ yang berjaya melepasi *compliance audit* persijilan Amalan 5S pada 19 Mei 2010 tahun 2010 adalah:

- Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA);
- Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH);
- Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK);
- Pejabat Pentadbiran FKASA;
- Pusat Kesihatan; dan
- Perpustakaan.

Bagi memastikan pelaksanaan dan pembudayaan Amalan 5S diterapkan dan dilaksanakan ke semua PTJ, Jawatankuasa Induk Amalan 5S Universiti telah melaksanakan Audit Dalaman secara berkala ke semua PTJ di UMP. Sepanjang tahun 2010, program-program yang telah dilaksanakan adalah:

- Mesyuarat Jawatankuasa Induk Amalan 5S Universiti
- Gotong-royong perdana peringkat PTJ
- Taklimat Pelaksanaan Amalan 5S ke Pejabat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
- Bengkel Pengenalan & Audit Dalaman Amalan 5S
- Pra-audit Persijilan Oleh Pihak MPC
- Audit Dalaman ke semua PTJ
- Lawatan Dalaman PTJ
- Lawatan ke Institut Kemahiran Mara (IKM) TASYA Pekan
- Lawatan Amalan 5S dari Fakulti Ekologi Manusia UPM



Penghantaran Data Ke Sistem Mymohes, Bagi Semester 2 Sesi 2009/2010 Dan Semester 1 Sesi 2010/2011

MyMoheS adalah satu Sistem Pengumpulan Data Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang diwujudkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) bagi membantu meningkatkan kecekapan sistem pengurusan maklumat pengajian tinggi negara. Penghantaran data adalah dua kali setahun iaitu enam minggu selepas tarikh kemasukan pelajar ke IPTA. Kaedah penghantaran data adalah melalui kemudahan atas talian e-Anjung dalam sistem MyMoheS.

KPT telah memperkenalkan kaedah penarafan bintang (*star rating*) yang bertujuan untuk melihat tahap kesediaan IPTA dalam pengurusan dan pembekalan data ke sistem MyMoheS mengikut tiga kriteria penarafan iaitu:


- **Tempoh masa penghantaran** - Proses penghantaran dan pengesahan data setiap format data ke pangkalan data e-Anjung perlu menepati tarikh akhir yang telah ditentukan.
- **Kesempurnaan data** - Format dan medan data yang wajar dibekalkan telah dibekalkan.
- **Kualiti data** - Beberapa jadual terpilih akan dijana dan dibuat semakan secara teliti bagi menentukan data yang dibekalkan berkualiti atau sebaliknya.

Selaras dengan itu, UMP melalui Bahagian Pengurusan Maklumat & Analisa, Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK) telah menyelaraskan dan mengadakan usaha-usaha ke arah memantapkan sistem pengurusan data dan maklumat universiti telah mengadakan beberapa mesyuarat secara berkala dengan pemilik data (*System Owner*).


UMP telah mendapat *star rating* empat bintang dan kedudukan ke-2 teratas keseluruhan IPTA bagi penghantaran data Semester 2 sesi 2009/2010 pada Februari 2010. Manakala bagi penghantaran data Semester 1 sesi 2010/2011 pada Ogos 2010 UMP telah mendapat *star rating* empat setengah (4½) bintang dan kedudukan pertama keseluruhan IPTA. Peningkatan pencapaian yang diperoleh ini membuktikan kecekapan dan kesistematikan sistem pengurusan data dan maklumat di UMP.

Carta 35: Draft Kedudukan UMP Bagi Keseluruhan IPTA Pada Penghantaran Data Semester 2 Sesi 2009/2010

Graf Kedudukan UMP Bagi Keseluruhan IPTA Pada Penghantaran Data Semester 2 Sesi 2009 / 2010



Graf Kedudukan UMP Bagi Keseluruhan IPTA Pada Penghantaran Data Semester 1 2010 / 2011



Majlis Apresiasi MyMoheS telah diadakan pada 14 Disember 2010 bagi meraikan pencapaian prestasi UMP yang cemerlang dalam aspek pengurusan data dan maklumat. Turut hadir Dato' Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Penolong Naib Canselor PPKPK dan semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta *System Owner* yang terlibat.



Malaysia Research Assessment Instrument (MYRA)

Kementerian telah membangunkan Sistem Penilaian Universiti Penyelidikan (MyRA) bertujuan membantu IPT untuk membuat penilaian sendiri (*self-assessment*) terhadap lapan kriteria Universiti Penyelidikan iaitu:

- Kuantiti dan Kualiti Penyelidik
- Kuantiti dan Kualiti Penyelidik
- Kuantiti Pengajian siswazah
- Kualiti Pengajian siswazah
- Inovasi
- Khidmat Professional dan Hadiah
- Rangkaian dan Pautan
- Kemudahan Sokongan

Selaras dengan Teras Tiga Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) untuk memperteguh penyelidikan dan inovasi, adalah menjadi hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) supaya lebih banyak lagi institusi pengajian tinggi (IPT) dapat diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan di mana sekurang-kurangnya enam Universiti Penyelidikan disasarkan menjelang 2020.

Hasil penilaian sendiri (*self-assessment*) tersebut akan diguna pakai oleh Kementerian bagi menilai pencapaian (KPI) Naib Canselor/Ketua Eksekutif IPT bagi aspek penyelidikan. Hasil penilaian sendiri (*self-assessment*) hendaklah dikemukakan kepada Kementerian pada 31 Mac setiap tahun dengan menggunakan data setahun sahaja iaitu pada 31 Disember tahun sebelumnya.

Bagi IPT yang telah diiktiraf sebagai Universiti Penyelidikan, hasil penilaian sendiri (*self-assessment*) tersebut turut akan diguna pakai bagi melihat pencapaian/prestasi IPT secara tahunan di mana hendaklah terdapat 5 peratus

peningkatan skor purata setiap tahun. Bagi IPT yang lain, hasil penilaian sendiri (*self-assessment*) tersebut boleh digunakan bagi melihat komitmen dan menilai pencapaian masing-masing dalam aspek penyelidikan.

Pada Disember 2010, berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK) telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan penghantaran data MyRA ke KPT. PPKPK telah memulakan usaha-usaha penyelarasan dan pengumpulan data-data bagi memenuhi keperluan kriteria MyRA.

Sistem Penarafan Insituti Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA)

Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) merupakan sistem penarafan bagi mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat Ijazah Pertama bagi Universiti dan Kolej Universiti (U & KU) di Malaysia yang diselenggarakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Sistem penarafan ini dilaksanakan dua tahun sekali.

SETARA 2009 adalah satu kesinambungan bagi (SETARA 2007 menggunakan data tahun 2006). Walau bagaimanapun terdapat perbezaan besar terhadap fokus utama, komposisi universiti-universiti dan kolej-kolej universiti, domain-domainnya dan penunjuk-penunjuk pengukurannya. Penarafan SETARA 2009 telah dijalankan antara Oktober 2008 dan Jun 2010. Data yang dikumpulkan dan digunakan untuk

penarafan berdasarkan data tahun 2009.

Instrumen SETARA 2009 meliputi tiga dimensi generik iaitu input, proses dan output untuk menilai kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dimensi *input* menerangkan bakat, sumber dan governan. Dimensi proses menumpukan kepada kurikulum dan dimensi *output* ke atas kualiti graduan. Struktur keseluruhan instrumen boleh diakses di <<http://www.mqa.gov.my/SETARA09>>.

SETARA 2009 mengklasifikasi penarafan kepada enam tahap (Tiers) dengan Tier 6 sebagai tahap tertinggi (Terbilang) dan Tier 1 sebagai yang paling rendah (Lemah). UMP telah memperolehi Tier 4 (Sangat baik) bagi penarafan SETARA 2009. Pelbagai usaha telah dijalankan bagi memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran universiti ini adalah di antara yang terbaik.

Sistem Maklumat Eksekutif (EIS)

Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) telah dibangunkan sejak tahun 2008 dan dimurnikan semula melalui bengkel Pengurusan Data & Maklumat. Tujuan utama EIS diwujudkan adalah untuk membolehkan pihak pengurusan universiti dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) mendapatkan maklumat dan data-data berkaitan UMP seperti data staf, data pelajar, data kewangan dan data penyelidikan, perundingan serta pengkomersialan. Pemantapan EIS akan dapat mempercepatkan proses penyaluran maklumat kepada pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian Kewangan (MOF),

Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) dan sebagainya. Secara teknikal, pembangunan EIS menggabungkan ciri-ciri sistem maklumat pengurusan dan sistem bantuan keputusan. EIS juga sebagai pusat maklumat yang telah diringkaskan dalam bentuk laporan yang menjadi rujukan umum bagi keseluruhan data. Ciri-ciri EIS ini dapat membantu pihak pengurusan universiti dalam proses membuat keputusan penting secara cepat, betul dan cekap berpandukan kepada data dan maklumat yang sahih serta boleh dipercayai. Ini secara langsung akan dapat meningkatkan prestasi sistem penyampaian universiti.



Majlis Pelancaran Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) Fasa Pertama telah diadakan pada 20 April 2010 di Bilik Mesyuarat Senat, UMP dengan kerjasama di antara Bahagian Pengurusan Maklumat & Analisa, Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK) dan Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK). Pada majlis tersebut sesi demonstrasi aplikasi penggunaan EIS telah diadakan kepada semua Dekan dan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ).





FAKULTI



FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & SUMBER ALAM (FKASA)

Pengenalan

Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) ditubuhkan pada tahun 2002 dan telah memulakan sesi pengambilan pelajar pertama pada bulan Julai 2003/2004. FKASA menawarkan 3 program akademik yang kompetitif dan relevan dengan keperluan industri pada masa kini diperingkat prasiswazah.

Objektif penubuhan FKASA adalah seperti berikut :

- Melahirkan dan melatih jurutera profesional dalam bidang kejuruteraan awam
- Melaksanakan penyelidikan dalam bidang pembinaan dan pembangunan sumber alam serta menghasilkan penemuan yang terkini dan relevan dengan pasaran terkini
- Menjadi pusat rujukan setempat jurutera-jurutera awam khususnya di Pantai Timur
- Sebagai pemangkin untuk pembangunan ECER dalam menganjurkan program, pertukaran teknologi dan latihan berterusan.

Secara keseluruhan, bidang kejuruteraan awam ini mencakupi pelbagai sub bidang seperti kejuruteraan sumber air, hidraulik & hidrologi, infrastruktur, struktur dan reka bentuk dan lain-lain lagi.



Visi

Untuk menjadi fakulti yang menawarkan pengajian teknikal bertaraf dunia dalam kejuruteraan awam.

Misi

Kami menawarkan program akademik yang cemerlang dan inovatif dengan melangkaui kehendak pelanggan dan melahirkan graduan yang berdaya saing serta kompetitif melalui staf akademik yang berketerampilan serta fasiliti yang terkini selaras dengan misi dan visi Universiti.

Program-program yang ditawarkan di peringkat prasiswazah

1. Sarjana Muda Kejuruteraan Awam
2. Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Persekitaran
3. Diploma Kejuruteraan Awam

Program yang ditawarkan di peringkat pengajian siswazah

1. Sarjana Kejuruteraan (Kejuruteraan Awam)
2. Doktor Falsafah (Kejuruteraan Awam)

Sepanjang tahun 2010, beberapa pencapaian terutamanya dari segi penerbitan dan juga pengantarabangsaan telah dikecapi oleh pihak FKASA seperti penerbitan *FKASA Research Report*, *International Journal of Civil Engineering & Geo Environmental* dan *Final Year Project Log Book* di samping program Latihan Industri pelajar ke Ireland yang melibatkan dua orang pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (BAA).

Antara kejayaan-kejayaan lain yang turut dicapai pada tahun tersebut ialah:

Persijilan Civil Engineering Laboratory Services (CELS) Oleh Pihak JSM

FKASA telah menyediakan perkhidmatan teknikal dan perundingan kepada pihak industri tempatan dan dialu-alukan untuk menggunakan kemudahan yang disediakan. CELS (Civil Engineering Laboratory Services) adalah merupakan sebuah makmal di FKASA yang menyediakan perkhidmatan pengujian dalam bidang Kejuruteraan Alam Sekitar.

Hasil daripada usaha berterusan dan semangat kerja berpasukan, makmal ini telah berjaya mendapat pengiktirafan dan persijilan **MS ISO/IEC 17025:2005** yang mana ianya membuktikan makmal UMP diurus secara sistematik dan mengikut piawaian antarabangsa. Pengiktirafan ini telah diberikan dan berkuat kuasa mulai 6 Julai 2010 hingga 6 Julai 2013 oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) ini menjadikan UMP membudayakan pembangunan dan penyelidikan (R&D) dalam merealisasikan konsep universiti-industri bagi mencapai objektif Pelan Perancangan Strategik UMP tahun 2008-2010.



Dengan pengiktirafan ini CELS dapat digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran dan juga digunakan oleh pihak industri untuk mendapatkan perkhidmatan pengujian sampel permukaan air dan sisa air untuk pengeluaran produk dari industri di sekitar Pantai Timur. Antara khidmat pengujian yang disediakan oleh pihak CELS ialah:

- pH
- Total Suspended Solid
- Biological Biochemical Oxygen Demand (BOD)
- Chemical Oxygen Demand (COD)
- Oil & Grease

Persijilan Amalan 5S Pejabat Pentadbiran FKASA Oleh Pihak MPC

Pejabat Pentadbiran FKASA telah berjaya mendapatkan persijilan Amalan Persekitaran Kerja Berkualiti oleh Malaysia Productivity Council (MPC) pada 19 Mei 2010. Secara tidak langsung Pejabat Pentadbiran FKASA merupakan pejabat pentadbiran fakulti yang pertama di UMP yang mendapat Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S daripada MPC. Persijilan yang diperolehi ini adalah hasil usaha gigih daripada semua staf yang memberikan setinggi komitmen kepada segala aktiviti pelaksanaan yang dijalankan sepanjang tahun.

Mesyuarat Lembaga Pengajian (Board of Studies) Kali Ke-2 Bil 1/2010

Mesyuarat Lembaga Pengajian (Board of Studies) FKASA 2010 telah diadakan pada 2 Oktober 2010 yang bertempat di Gallery 9, Tingkat 3, Hotel Concorde, Shah Alam. Tujuan mesyuarat ini diadakan ialah untuk mendapatkan maklum balas berkenaan perubahan struktur kurikulum program akademik fakulti dari tahun 2007 sehingga sekarang khususnya bagi program Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (BAA) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Persekitaran) (BAE). Selain itu, maklum balas lain yang diberikan juga dapat digunakan dalam menambahbaik Program Educational Objective (PEO) dan Program Outcome (PO) fakulti. Keahlian mesyuarat ini juga telah bertambah dari asalnya 5 orang ahli kepada 7 orang ahli mesyuarat yang terdiri daripada wakil-wakil akademik dan juga industri daripada pelbagai latar belakang dan bidang kepakaran seperti di bawah :

Jadual 46: Senarai Ahli Mesyuarat Lembaga Pengajian (Board of Studies) Kali Ke-2 Bil. 1/2010

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Profesor Dato' Dr. Ir. Hassan Basri	Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UKM
2.	YBhg. Dato' Ir. Dr. Ismail Mohamad Taib	Pengarah Urusan, Jambatan Ke 2, Kuala Lumpur
3.	Ir. Dr. Mohamad Jamil Sulaiman	Naib Presiden, Bahagian Reka Bentuk & Kejuruteraan SIRIM Berhad, Kuala Lumpur
4.	Profesor Ir. Dr. Gue See Sew	Pengarah Urusan, G & P Geotechnics Sdn. Bhd, Kuala Lumpur
5.	Ir. Haji Zalin Amir	Pengarah Urusan, Jurutera Perunding Zaaba, Kuala Lumpur
6.	Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria	Penolong Pengarah REDAC (Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai & Saliran Bandar), USM
7.	Tuan Haji Md. Khairi Selamat	Timbalan Pengarah, Bahagian Korporat, Jabatan Pengairan & Saliran (JPS), Kuala Lumpur

Lawatan Pemeriksa Luar – Prof. Harianto Rahardjo Daripada Nanyang Technological University, Singapura (NTU)

Pemeriksa luar FKASA, Prof. Harianto Rahardjo dari Nanyang University of Technology Singapore (NTU) telah mengadakan lawatan ke FKASA pada 18 hingga 22 Oktober 2010. Lawatan ini merupakan salah satu daripada kriteria penilaian pengiktirafan program yang ditawarkan bagi mendapatkan pengiktirafan daripada pihak EAC (*Engineering Accreditation Council*) untuk program Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (BAA) di FKASA. Sepanjang dua

hari aktiviti yang dirangka bersama Profesor Harianto bermula dari sesi semakan dokumen akademik, lawatan ke makmal, perpustakaan serta sesi temubual bersama semua staf akademik. Peluang ini tidak dilepaskan oleh pihak FKASA bagi bertukar pendapat serta menambah baik program akademik yang ditawarkan di FKASA bagi menghasilkan program akademik yang berkualiti dan sejajar dengan perkembangan semasa.

Engineering Invention & Innovation Exhibition (ENVEX) 2010

Seramai lapan orang pelajar FKASA menyertai ENVEX anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada 2 hingga 4 April 2010. Dua pingat emas, 1 Anugerah Khas CIMA *Engineering Excellence Award* dan 2 pingat gangsa telah berjaya dirangkul oleh para penyelidik muda FKASA melalui penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan di bawah seliaan Abd. Syukor Abd. Razak dan Profesor Madya Dr. Zularisam bin Ab Wahid.

Innovation, Invention and Design 2010 (IID 2010)

Seramai 10 orang pelajar FKASA telah dihantar untuk mewakili FKASA ke program IID 2010 yang dianjurkan oleh UiTM, Kedah pada 28 hingga 29 Julai 2010 yang lalu. Bagi Kategori C (Profesional), Pensyarah FKASA, Abd. Syukor Abdul Razak berjaya merangkul pingat emas dan anugerah khas iaitu Anugerah 'Booth' Terbaik dengan produk 'The Development of Fungus sp. To Enhance the Performance of Artificial Bait for Attract Termites from Empty Fruit Bunch (EFB) as Environmental Friendly Pesticide'. Manakala bagi Kategori A (Universiti IPTA & IPTS/Kolej/Politeknik), satu pingat emas, tiga perak dan satu gangsa telah berjaya dimenangi oleh para pelajar FKASA di bawah seliaan pensyarah Abdul Syukor bin Abdul Razak dan Suryati Sulaiman.

National Research & Innovation Competition (NRIC) 2010

Seramai 10 orang pelajar FKASA menyertai NRIC 2010 yang berlangsung di USM pada 25 – 29 Mei 2010 yang lalu. dua pingat emas dan Anugerah Khas 'Sustainable Green Technology Award' telah berjaya diraih oleh Thilagawathi A/P Batumalai dan Nur Fitriah bt Isa menerusi penyelidikan "Investigation on the usage of Allium Cepa (onion) As Natural Corrosion Inhibitor for Industrial Chill Wastewater System" yang diketuai oleh Suryati Sulaiman.

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK (FKEE)

Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik merupakan antara fakulti yang terawal ditubuhkan pada 16 Februari 2002 serentak dengan penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) dan mula beroperasi di Kampus Indera Mahkota, Kuantan Pahang sehingga 14 Mac 2003. Pada 15 Mac 2003, selaras dengan perpindahan kampus KUKTEM ke Bandar MEC di Gambang, Kuantan, Fakulti ini telah ditempatkan di Blok A1, Kompleks Perkhidmatan Siswa.

Matlamat penubuhan Fakulti ini ialah untuk melatih dan melahirkan pekerja profesional dan separa profesional yang berkemahiran tinggi dalam urusan teknikal sama ada di peringkat Sarjana Muda atau pun Diploma. Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, fakulti telah mengambil pendekatan di mana ke semua program yang ditawarkan oleh fakulti adalah berasaskan gabungan antara kejuruteraan dan teknologi dengan mengintegrasikan gunaan dan kemahiran (*applied and skills*). Fakulti ini menawarkan program yang memfokuskan kepada keperluan industri berat di Koridor Raya Industri Timur Semenanjung Malaysia, terutamanya bidang-bidang berkaitan dengan sektor kimia, petrokimia, pembuatan dan automotif.

Fakulti ini akan berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan industri serantau melalui program-program pemindahan teknologi, pertukaran staf, latihan dan bimbingan



serta perkhidmatan lain yang berkaitan dengan teknologi kejuruteraan elektrik dan elektronik.

Di bidang penyelidikan pula, fakulti akan menumpukan kepada penyelidikan gunaan (*applied research*) dan projek-projek industri (*industrial projects*) dengan industri setempat bagi memperkasakan proses pengajaran dan pembelajaran. Fakulti juga akan mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan tersendiri bagi memantapkan kajian dalam bidang ini. Fakulti ini berhasrat menjadi sebuah pusat penyelidikan dan sumber rujukan utama dalam menyalurkan produk dan khidmat kepakaran dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik kepada industri dalam dan luar negara.

Program-program yang ditawarkan oleh Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik adalah untuk memberikan pengetahuan yang meluas kepada para graduan dalam bidang kejuruteraan elektrik dan menyediakan para graduan untuk menjadi pekerja yang profesional dan separa profesional.

Antara program-program prasiswazah yang ditawarkan ialah:

- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) (BEE)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Sistem Kuasa) (BEP)
- Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Industri) (DEE)
- Manakala program siswazah yang ditawarkan ialah:
 - Doktor Falsafah (Elektrik)
 - Doktor Falsafah (Elektronik)
 - Sarjana Kejuruteraan (Elektrik)
 - Sarjana Kejuruteraan (Elektronik)

Visi

Untuk menjadi sebuah fakulti pendidikan teknikal berasaskan kompetensi bertaraf dunia dalam bidang elektrik & elektronik.

Misi

Untuk menyediakan pendidikan teknikal berasaskan kompetensi berkualiti terbaik dalam bidang elektrik & elektronik yang bukan sahaja memenuhi tetapi melebihi kehendak pelanggan.

Untuk meningkatkan peranan melalui inovasi & pembangunan teknologi yang berterusan dengan menyediakan kemudahan berasaskan industri sejajar dengan bidang fokus universiti.

Untuk membina potensi rakan sekerja melalui penyertaan dan penglibatan secara berpasukan dengan menyediakan persekitaran yang kondusif yang mendorong kreativiti dan keinovasian ke arah menjadi organisasi pembelajaran.

**Pelajar FKEE Penerima Anugerah di Konvokesyen Ke-5**

Majlis Konvokesyen Ke-5 UMP telah berlangsung pada 9 Oktober 2010 bertempat di Dewan Kompleks Sukan UMP.

Seramai 243 pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik telah menerima ijazah sarjana muda dan diploma masing-masing pada majlis konvokesyen tersebut. Pecahan pelajar mengikut kursus dan kelas adalah seperti di bawah.

Jadual 47: Bilangan Pelajar Program Sarjana Muda Mengikut Pecahan Kelas Bagi Konvokesyen Kali Ke-5

PROGRAM SARJANA MUDA	KELAS PERTAMA	KELAS KEDUA (TINGGI)	KELAS KEDUA (RENDAH)	KELAS KETIGA	JUMLAH
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)	4	25	41	3	78
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Sistem Kuasa)	4	19	46	6	75
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan & Instrumentasi)	1	15	31	1	48

Jadual 48: Bilangan Pelajar Program Diploma Mengikut Pecahan Kelas bagi Konvokesyen Kali Ke-5

PROGRAM DIPLOMA	KELAS PERTAMA	KELAS KEDUA	JUMLAH
Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Industri)	1	41	42

Pada Majlis Konvokesyen tersebut juga seramai tiga orang pelajar dari FKEE telah menerima Anugerah/Hadiah Akademik. Senarai penerima Anugerah/Hadiah Akademik dari FKEE adalah seperti berikut:

Hadiah Emas Fakulti	: Muhammad Husni bin Abu Talip Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)
Hadiah Buku	: Liew Choon Siong Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)
Hadiah Buku	: Ganaesan a/l Tevadasin Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Sistem Kuasa)

FKEE Menang 12 Anugerah Di Malam Anugerah Cendekia Bitara 2010

FKEE telah membuktikan kecemerlangan dan keunggulan dalam bidang penyelidikan setanding dengan fakulti lain apabila telah berjaya menggondol satu anugerah cendekia bitara dan 11 hadiah sanjungan dalam Majlis Makan Malam Cendekia Bitara di Bukit Gambang Resort City (BGRS) pada 3 Mei 2010.

Majlis bertemakan 'Green Technology For A Sustainable World' yang merupakan penganjuran tahun kedua ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kecemerlangan dan keunggulan yang telah dipamerkan oleh warga UMP dalam menyuburkan budaya inovasi, kreativiti dan penyelidikan. Turut hadir dalam majlis ini ialah Menteri Besar Pahang, YAB Dato' Sri Haji Adnan Haji Yaakob.

Berikut adalah senarai penyelidik FKEE yang memenangi hadiah Malam Anugerah Cendekia Bitara:

Jadual 49: Senarai Penyelidikan FKEE Yang Memenangi Malam Anugerah Cendekia Bitara 2010

KETUA PENYELIDIK	TAJUK ARTIKEL / PRODUK	KATEGORI
Dr. Ahmed Mohamed A. Haidar	<i>Vulnerability Control of Large Scale Interconnected Power System using Neuro-Fuzzy Load Shedding Approach</i>	Anugerah Cendekia Bitara (Penerbitan Jurnal)
	<i>An Intelligent Load Shedding Scheme using Neural Networks and Neuro-Fuzzy</i>	Hadiah Sanjungan (Penerbitan Jurnal)
Dr. Ahmed N. Abdalla	<i>Multi-patient DSP Based Arrhythmias Monitoring System using Reliable Wireless Sensor Protocol</i>	Hadiah Sanjungan (Produk Penyelidikan)
	<i>Wireless ECG Monitoring Device (PI20091812)</i>	Hadiah Sanjungan (Paten)
Mohd Zamri Ibrahim	<i>Development of Wireless Queue Management System (Wi-QMS) using RF Technology for Restaurant Industry</i>	Hadiah Sanjungan (Produk Penyelidikan)
	<i>GoTouch –High Performance Multipoint Wireless RFID Protocol using Extended Tiny Encryption Algorithm (XTEA)</i>	Hadiah Sanjungan (Produk Penyelidikan)
	<i>Integrated Portable Direction & Time Finder (PI20091702)</i>	Hadiah Sanjungan (Paten)
	<i>Wireless Queue Management System (PI20093374)</i>	Hadiah Sanjungan (Paten)
	<i>Multipoint Wireless RFID Utilizing Extended Tiny Encryption Algorithm (XTEA) (PI20095082)</i>	Hadiah Sanjungan (Paten)
Mohammad Fadhil Abas	<i>Data Acquisition & Storage Device (PI20095498)</i>	Hadiah Sanjungan (Paten)
Nik Mohd Kamil	<i>Development of Multi-application of Micro-controller through Educational Training Systems</i>	Hadiah Sanjungan (Produk penyelidikan)
Norhafidzah Mohd Saad	<i>Smart Electricity Control System for Lighting /Air-Conditioner/Fan (SmECS)</i>	Hadiah Sanjungan (Produk Penyelidikan)



Penyelidikan FKEE Cemerlang di ITEX 2010

Kemenangan satu pingat perak di Pameran ITEX 2010 pada 14 hingga 16 Mei 2010 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) telah membuktikan bahawa para penyelidik UMP mampu bersaing di peringkat nasional bersama-sama dengan para penyelidik dari pelbagai universiti dan agensi swasta. Secara keseluruhannya, sebanyak 581 projek penyelidikan terpilih telah menerima pingat iaitu sebanyak 188 pingat emas, 266 pingat perak dan 127 pingat gangsa.

Satu pingat perak yang dirangkul menerusi projek penyelidikan Rohana Abdul Karim iaitu *Pineapple Maturity Inspection Using Colour Identification*. Kumpulan penyelidik ini juga turut dianggotai oleh Dr. Kamarul Hawari Ghazali, Dr. Ahmed N. Abd. Alla, Nurul Wahidah binti Arshad, Nor Faizan binti Zakaria, Nazriyah binti Che Zan dan Mohd Shamsul Azmi bin Samsudin.

FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA & SUMBER ASLI (FKKSA)

Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) ditubuhkan pada 15 Februari 2002. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dan Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses) adalah program pertama yang ditawarkan untuk kemasukan sesi 2002/2003. Dua lagi program iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas) ditawarkan untuk kemasukan sesi 2003/2004. Program-program ini adalah berasaskan kepada kemahiran dan aplikasi, menitikberatkan kepada kombinasi teori, kemahiran praktikal dan proses pembelajaran dalam mengenalpasti masalah dan cabaran di industri. Pengajian ini merangkumi *separation process, chemical, chemical reaction engineering, process engineering, system control dan environmental engineering*.

Selain itu, FKKSA juga telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada 12 Oktober 2010 untuk menawarkan Program Sarjana Kejuruteraan Kimia Dengan Keusahawanan (Secara Kerja Kursus) dan cadangan pengambilan pelajar dijangka akan bermula pada semester 1 sesi 2011/2012 yang akan datang.



Makmal FKKSA mempunyai kelengkapan fasiliti dan peralatan yang terkini bagi menampung operasi pengajaran dan pembelajaran. Makmal FKKSA juga telah memperoleh Persijilan 5S daripada MPC pada tahun 2008 dan telah berjaya diiktiraf dalam persijilan OHSAS18001:1999 pada tahun 2007. Seterusnya pada tahun 2010 dan tahun 2011 Makmal FKKSA sekali lagi telah mengorak langkah ke hadapan dengan beberapa pencapaian seperti berikut:

Visi

To be a leading centre in producing professionals in the area of chemical and natural resources engineering, with emphasis on industrial best practices and applications.

Misi

To provide for the study of chemical and natural resources engineering in an industrial context through outstanding education, research, and development.

Program-Program Yang Ditawarkan Oleh Fakulti:

Program Prasiswazah

1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia
2. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi)
3. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas)
4. Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses)

Program Pengajian Siswazah

1. Doktor Falsafah (Kimia)
2. Doktor Falsafah (Bioproses)
3. Sarjana Kejuruteraan (Kimia)
4. Sarjana Kejuruteraan (Bioproses)

Program Secara Kerja Kursus

1. Sarjana Kejuruteraan Kimia dengan Keusahawanan

Program Secara Separuh Masa

1. Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses)



Makmal FKKSA mempunyai kelengkapan fasiliti dan peralatan yang terkini bagi menampung operasi pengajaran dan pembelajaran. Makmal FKKSA juga telah memperolehi Persijilan 5S daripada MPC pada tahun 2008 dan telah berjaya diiktiraf dalam persijilan OHSAS18001:1999 pada tahun 2007. Seterusnya pada tahun 2010 Makmal FKKSA sekali lagi telah mengorak langkah ke hadapan dengan beberapa pencapaian seperti berikut:

Makmal FKKSA IPTA Pertama Di Iktiraf Bagi Pelaksanaan Sistem Pengurusan Bersepadu Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran

25 Jun 2010 menjadi tarikh keramat buat Makmal FKKSA apabila dianugerahkan **Persijilan Sistem Pengurusan Bersepadu (IMS)** oleh NIOSH Certification Sdn. Bhd. bagi:

- Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OHSAS 18001:2007 & MS 1722: Bahagian 1:2005)
- Sistem Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001:2004)

Dengan penganugerahan ini, Makmal FKKSA telahpun meletakkan dirinya setanding dengan sektor industri dalam pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan, kesihatan dan persekitaran yang bersistematik di tempat kerja.

Makmal FKKSA turut melakar sejarahnya tersendiri apabila telah terpilih ke peringkat akhir audit dua tahun berturut-turut bagi Anugerah Cemerlang Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Peringkat Kebangsaan Tahun 2009 bagi Kategori Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan pada 5 Mei 2010.





Makmal Bionexus

Dua Makmal FKKSA iaitu Makmal Loji Pandu dan Makmal Analisis telah dipilih sebagai BioNexus Partner di bawah inisiatif BiotechCorp untuk menyokong keperluan industri bioteknologi di Malaysia.



Dengan penarafan ini, makmal-makmal ini telah diberi peruntukan kewangan dan insentif lain oleh BiotechCorp bagi menyelenggara fasilitinya bagi membekalkan perkhidmatan kepada syarikat bertaraf Bionexus dan juga entiti komersial lain yang berkaitan.

Jumlah Peruntukan Kewangan 2010
Makmal Loji Pandu : RM 320,684.00
Makmal Analitikal : RM 226,587.00



Peralatan Bionexus Makmal Loji Pandu:

- *Multipurpose Extraction*
- *Spray Dryer*

Peralatan Bionexus Makmal Analitikal

- *Gas Chromatography Mass Spectrometer (GCMS)*
- *Gas Chromatography (GC)*
- *Fourier Transform Infrared Spectrometer (FTIR)*
- *Thermal Gravimetry Analyzer (TGA)*

CHEMITEL - Makmal Analisis Bertaraf Antarabangsa

CHEMITEL merupakan singkatan kepada *Chemical & Microbiology Testing Laboratory* beroperasi di Makmal FKKSA.

Usaha-usaha ke arah akreditasi MS ISO/IEC 17025:2005 telah bermula sejak 2007 lagi yang mana melibatkan kerja-kerja pembangunan dokumentasi, latihan dan bengkel terhadap skop pengujian yang dijalankan, pendaftaran pensijilan dan audit dari Jabatan Standard Malaysia. Makmal ini dijangka akan beroperasi sepenuhnya di bawah akreditasi ini pada April 2011.



**Kelebihan Akreditasi MS ISO/IEC
17025:2005**

- Mendapat pengiktirafan/penerimaan di peringkat nasional dan antarabangsa terhadap pengurusan sistem berkualiti dan kompetensi terhadap kerja-kerja pengujian.
- UMP merupakan makmal pertama di rantau Pantai Timur yang mendapat pentauliahn MS ISO/IEC17025:2005 Skop pengujian kimia terhadap bahan yang diuji berasaskan tumbuhan dan produk tumbuhan (*plant & plant product*) dengan aplikasi teknologi ICPMS menggunakan *method* AOAC 985.01
- Jaminan kepada industri/pelanggan terhadap mutu produk pengujian yang dihasilkan iaitu *Certificate of Analysis* (COA) dan Jaminan *Good Laboratory Practice* (GLP) yang diamalkan oleh CHEMITEL.
- Menjana pendapatan kepada UMP untuk kerja pengujian yang berkaitan dan mengembangkan kerjasama lebih erat di antara hubungan universiti-industri.

**SKOP PENGUJIAN CHEMITEL**

FIELD OF TESTING	MATERIAL / PRODUCTS TESTED	TYPE OF TEST / PROPERTIES MEASURED
Chemical	Plant and Plant Product	Na, Mg, K, Ca, Fe
		Pb, Cd, Al, Cr, Mn, Co, Ni, Cu, Zn
Microbiology	Traditional Medicines, Health Supplements, Toiletries & Cosmetic	<ol style="list-style-type: none"> 1. Total Aerobic Microbial Count (TAMC)(Pour Plate Method) 2. Total Yeast And Mould Count (TYMC) (Pour Plate Method) 3. Detection And Estimation Of Bile Tolerant Gram Negative Bacteria 4. Detection Of Escherichia Coli 5. Detection Of Staphylococcus Aureus 6. Detection Of Salmonella Sp 7. Detection Of Staphylococcus Aureus

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FKM)

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) ditubuhkan pada tahun 2002 dan menerima pengambilan pelajar pertama bagi sesi 2003/2004. Seramai 100 orang pelajar yang terdiri daripada 60 pelajar bagi program Ijazah Sarjana Muda dan 40 pelajar bagi program Diploma. Jumlah pelajar telah meningkat dari tahun ke tahun dengan jumlah pelajar terkini sehingga pengambilan sesi akademik 2010/2011 adalah seramai 1063 orang pelajar yang terdiri daripada 955 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda dan 108 pelajar Diploma.

Pada Jun 2009, FKM telah berpindah ke Kampus Tetap UMP di Kuala Pahang, Pekan dan beroperasi secara sepenuhnya sehingga kini. Lokasi UMP yang berhampiran kawasan industri automotif seperti Mercedes, Hicom, Isuzu, Suzuki, Volkswagen dan sebagainya adalah amat strategik dan bersesuaian serta memberi peluang kepada FKM untuk menjalin kerjasama dengan industri secara konsisten sekaligus menyokong peranan Universiti dalam menjalin kerjasama dengan industri luar.



Visi

Menjadi sebuah pusat akademik, penyelidikan dan konsultansi berteraskan Kejuruteraan Mekanikal, Automotif, Pembuatan bertaraf dunia.

Misi

Kami berdedikasi untuk melahirkan jurutera mekanikal yang global dengan taraf ilmu, kebolehan pembelajaran, kompetensi dan integriti yang tinggi. Seterusnya, kami komited untuk memperkasakan bidang penyelidikan dan pembangunan ke arah memperkenalkan produk dan servis yang bermutu terutama dalam sektor pembuatan dan automotif.

Objektif utama fakulti adalah untuk memajukan bidang-bidang yang ditawarkan dengan selengkap-lengkapnyanya agar dapat mengendalikan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan dengan sempurna.

Program-program yang ditawarkan di peringkat prasiswazah:

1. Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal
2. Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kejuruteraan Automotif
3. Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kejuruteraan Industri
4. Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Biomekanikal
5. *Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kejuruteraan Pembuatan
6. Diploma Kejuruteraan Mekanikal

**Pengambilan terakhir bagi sesi akademik 2009/2010.*

Program-program yang ditawarkan di peringkat pengajian siswazah:

1. Doktor Falsafah (Mekanikal)
2. Doktor Falsafah Kejuruteraan (Automotif)
3. Sarjana Kejuruteraan (Mekanikal)
4. Sarjana Kejuruteraan (Automotif)

Lawatan Daripada Pihak Luar ke FKM*Jadual 50: Senarai Lawatan Pihak Luar Ke Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Sepanjang Tahun 2010*

BIL.	LAWATAN	TARIKH
1.	Lawatan oleh Profesor Kunjung FKM, Profesor Chang Sik Lee	14 Januari 2010
2.	Lawatan dan Mesyuarat Panel Penasihat Industri FKM	18 Januari 2010
3.	Lawatan Pelajar Sekolah Menengah Sains Sultan Ahmad Shah, Pekan	4 Februari 2010
4.	Lawatan oleh Pelatih Program Latihan Khidmat Negara (Tg. Selangor): 200 orang ke Makmal Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	10 Februari 2010
5.	Lawatan Penilaian Program German-Diplome	11 Mac 2010
6.	Lawatan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi	22 Mac 2010
7.	Lawatan Lembaga Akreditasi Kejuruteraan bagi Pengiktirafan Program BMA dan BMF	5 dan 6 April 2010
8.	Lawatan oleh Pegawai Tertinggi Syarikat MODENAS ke Makmal FKM	13 April 2010
9.	Lawatan Akademik daripada Pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun Terengganu	30 April 2010
10.	Lawatan Kerjasama daripada Pahang Skills Development Centre (PSDC)	12 Mei 2010
11.	Lawatan Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khalid Nordin	27 Mei 2010
12.	Lawatan Pemeriksa Luar FKM, Profesor Ir. Dr. Ramesh Singh	19 Ogos 2010
13.	Lawatan oleh Profesor Kunjung FKM, Profesor Fareed Al -Yagout ke Makmal FKM	29 September 2010
14.	Lawatan dari Pengurusan Tertinggi MARA (Bahagian Penganugerahan Biasiswa)	12 Oktober 2010
15.	Lawatan Wakil Bomba Daerah Pekan untuk perancangan aktiviti <i>fire drill</i>	1 November 2010

Jadual 51: Senarai Program Usaha Sama/Konsultasi Sepanjang Tahun 2010

BIL.	KONSULTANSI/PROGRAM	TARIKH
1.	Projek Konsultasi Amali OUM (<i>Strength of Material</i>)	15 Mei 2010
2.	Projek Konsultasi Amali KKTU (<i>Static & Dynamic</i>) di Makmal Foundry, Material & Casting	Sepanjang September 2010

Makmal dan Fasiliti FKM

Makmal Semi Anechoic Chamber FKM

FKM mempunyai 28 makmal secara keseluruhannya dan dibahagikan kepada empat blok. Salah sebuah makmal yang terdapat di sini ialah *Makmal Semi Anechoic Chamber* yang digunakan bagi tujuan pengujian *Noise, Vibration & Harshness*. Makmal ini dibina dengan kos melebihi RM 1 juta dan digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran juga ujian dan proses penyelidikan, pengujian dan *benchmarking* daripada pihak industri. Makmal ini juga telah banyak menerima kunjungan dan mendapat perhatian daripada luar seperti sekolah, institusi pengajian tinggi dan agensi serta pihak industri.



Program Khidmat Masyarakat FKM

Selain daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta khidmat konsultansi, FKM turut terlibat dalam program kemasyarakatan, antaranya adalah program sekolah angkat dan juga menyertai pameran yang dianjurkan di sekolah-sekolah berhampiran sekitar Pekan. Melalui program-program ini, nama FKM khususnya dan UMP umumnya kini semakin mendapat perhatian pihak luar.





**Persatuan Mahasiswa dan Mahasiswi
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
(MECHAPRO)**

Mechanical Engineering Professional Club (MECHAPRO) merupakan sebuah persatuan melibatkan mahasiswa dan mahasiswi FKM, UMP. Persatuan yang ditubuhkan pada tahun 2004 ini merupakan salah satu medium bagi menyuarakan pendapat, meningkatkan kualiti serta menjaga kebajikan para pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Persatuan MECHAPRO juga bergiat aktif dalam penganjuran aktiviti-aktiviti melibatkan ahli serta pelajar-pelajar lain sama ada di dalam mahu pun luar UMP.



Jadual 52: Senarai Aktiviti Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Sepanjang Tahun 2010

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Sambutan Maulidur Rasul	26 Februari 2010
2.	<i>UMP Autoshow</i>	6 Mac 2010
3.	Booth Pameran di Karnival Jom Masuk U	20 hingga 21 Mac 2010
4.	<i>F1 Pitwalk Lane</i>	2 April 2010
5.	Karnival Sukan UMP	13 Mac hingga 4 April 2010
6.	IVS Terengganu	11 April 2010
7.	Malam Kebajikan Pekan	7 April 2010
8.	<i>Showcase Shell Eco Marathon Malaysia Team</i>	2 Jun 2010
9.	Majlis Pelancaran Pasukan Shell Eco Marathon oleh YH Dato Naib Canselor	22 Jun 2010
10.	Karnival EMAS Petronas	26 Jun 2010
11.	Jemputan Perasmian MINDS	3 Jul 2010
12.	<i>Shell Eco Marathon Race</i>	6 hingga 10 Julai 2010
13.	<i>EIMA Race</i>	10 hingga 13 Julai 2010
14.	Perjumpaan MT dan Pelajar Baharu	24 Jul 2010
15.	Majlis Doa Selamat dan Solat Hajat KK5	29 Jul 2010
16.	Pertandingan Roket Air	7 Ogos 2010
17.	Sambutan Ambang Kemerdekaan Kampus Pekan	29 Ogos 2010
18.	Sambutan Hari Raya Kampus Pekan	29 September 2010
19.	SUKFAC	2-24 Oktober 2010



FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN & PENGURUSAN TEKNOLOGI (FKPPT)

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Pengurusan Teknologi telah ditubuhkan pada tahun 2008 dengan tujuan untuk melatih dan melahirkan profesional yang kompeten. Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini yang, fakulti menawarkan beberapa program akademik supaya pelajar yang telah tamat pengajian mereka akan memiliki, antara lain, asas saintifik yang baik, kemahiran psikomotor, kemahiran pemikiran kritikal, kemahiran komunikasi, pengurusan maklumat dan keusahawanan. Fakulti ini mempunyai dua jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Pembuatan dan Jabatan Pengurusan Teknologi.

Jabatan Kejuruteraan Pembuatan

Jabatan Kejuruteraan Pembuatan (JKP) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi, UMP. Sejak penubuhannya, JKP telah beroperasi di Kampus UMP Gambang. Pengambilan pelajar pertama telah dilakukan pada sesi pengajian 2008/2009 dengan pengambilan pelajar seramai 62 orang.

Objektif utama penubuhan JKP adalah untuk mengeluarkan tenaga profesional dalam bidang kejuruteraan pembuatan dan mekatronik. Penubuhan Jabatan ini akan melahirkan lebih ramai jurutera-jurutera berkompeter tinggi yang dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dengan kehendak industri.

Bermula Julai 2010, JKP telah mencipta sejarah dan buat julung kalinya telah menawarkan program ijazah *dual-degree* kerjasama dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA), Jerman. UMP merupakan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama di negara ini menawarkan program kejuruteraan berkembar peringkat ijazah dalam bidang kejuruteraan mekatronik dengan sebuah

universiti dari Jerman. Seramai 16 orang pelajar telah berdaftar bagi program ini dan merupakan pelajar-pelajar cemerlang yang dipilih berdasarkan merit daripada program matrikulasi, program INTEC di UiTM dan program GAPP di GMI. Salah satu kelebihan utama yang dimiliki oleh program ini ialah pelajar yang bergraduasi akan menerima dua ijazah serentak iaitu daripada UMP dan HsKA.

Sehingga tahun 2011, program-program pengajian yang ditawarkan oleh JKP adalah seperti berikut:

Visi

Untuk menjadi fakulti kejuruteraan pembuatan bertaraf dunia berasaskan kompetensi.

Misi

Berpegang teguh dengan nilai teras UMP, kami bertekad untuk menghasilkan graduan yang kompeten dengan menawarkan program berteraskan kejuruteraan pembuatan yang cemerlang.



Kami juga berazam untuk memacu penjaan khazanah melalui penyelidikan dan pembangunan, pengkomersialan, pengkolaborasi dan perundingan dengan penumpuan kepada reka bentuk, proses, sistem dan automasi pembuatan.

Program Yang Ditawarkan

Program Prasiswazah:

1. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan
2. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik
3. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik (Program Dwi Ijazah UMP-HsKA, Jerman)
4. Program Siswazah:
5. Ijazah Sarjana (melalui penyelidikan)
6. Ijazah Doktor Falsafah (melalui penyelidikan)

Program Prasiswazah:

1. Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (BFF)
2. Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik (BFM)
3. Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik (BHM) (Program Dwi Ijazah UMP-HsKA, Jerman)

Program Pengajian Siswazah:

1. Sarjana Kejuruteraan (Pembuatan)
2. Doktor Falsafah Kejuruteraan (Pembuatan)

Laporan Aktiviti-Aktiviti Utama di JKP

1. *Official Hand Over Ceremony of Industrial Robots from Perodua to Universiti Malaysia Pahang* pada 29 Disember 2009 di Makmal Kejuruteraan Pembuatan, UMP.
2. Lawatan Profesor Tamu, Profesor Dr. Kunio Yoshikawa (Tokyo Institute of Technology) pada 10 hingga 12 Januari 2010. Beliau turut memberikan ceramah bertajuk *Waste to Wealth – Establish of Circulation Systems for Bio-Resources in Malaysia*.
3. Mesyuarat Panel Penasihat Industri Jabatan Kejuruteraan Pembuatan Kali Ke-2/2010 diadakan pada 24 April 2010 di Hotel Quality, Kuala Lumpur.
4. Majlis menandatangani persefahaman di antara UMP dan Kaohsiung University of Applied Sciences (KUAS), Taiwan pada 3 Ogos 2010 sebagai salah satu usaha memperkasa kerjasama akademik terutama bagi penawaran program *Die & Mould* di JKP.
5. Mesyuarat Kerjasama Jabatan Kejuruteraan Pembuatan, UMP dan Iwate University, Jepun pada 27 hingga 28 September 2010 telah diadakan bagi membincangkan kerjasama akademik dalam bidang *Die & Mould*.
6. Lawatan Pemeriksa Luar iaitu Profesor Ir. Dr. Abdul Hakim Halim (Institut Teknologi Bandung, Indonesia) pada 30 November hingga 7 Disember 2010 untuk menilai program Kejuruteraan Pembuatan di Jabatan Kejuruteraan Pembuatan.
7. *Short Course Programme* with title *Operation Management and Optimization: Multiobjective Genetic Algorithim Approach* by Profesor Dr. Mitsuo Gen (Fuzzy Logic System Institute, Japan) pada 11 hingga 13 Disember 2010 di Makmal Kejuruteraan Pembuatan, UMP.

Pelantikan Jawatan Profesor Tamu, Pemeriksa Luar dan Panel Penasihat Industri Pada Tahun 2010

Jadual 53: Senarai Lantikan Jawatan Profesor Tamu, Pemeriksa Luar dan Panel Penasihat Industri Pada Tahun 2010

BIL.	NAMA	JAWATAN DILANTIK	INSTITUSI
1.	Profesor Dr. Kunio Yoshikawa	Profesor Tamu	Frontier Research Center, Tokyo Institute of Technology, Japan
2.	Profesor Dr. Mitsuo Gen	Profesor Tamu	Fuzzy Logic System Institute, Japan
3.	Profesor. Ir. Dr. Abd Hakim Halim	Pemeriksa Luar bagi Program Kejuruteraan Pembuatan	Institut Teknologi Bandung, Indonesia
4.	Profesor Dr. Marta Molinas	Pemeriksa Luar bagi Program Kejuruteraan Mekatronik	Norwegian University of Science & Technology, Norway
5.	Dato' Dr. Ir. Andy Seo Kian Haw	Panel IAP	Vice-President, Federation of Malaysian Manufacturers
6.	Tuan Haji Hamizan bin Osman	Panel IAP	CEO, PHN Industry Sdn. Bhd.
7.	Tuan Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman	Panel IAP	COO, SIRIM Precision Toolings (M) Sdn. Bhd.
8.	Mohamad Razali bin Osman	Panel IAP	CEO, Sapura Industrial Berhad
9.	Amrizal bin Abdul Majid	Panel IAP	CEO, Miyazu (M) Sdn. Bhd.
10.	Zainal Abidin bin Ahmad	Panel IAP	Executive Director, Perodua Auto Corporation Sdn. Bhd.
11.	Muhammad Aris bin Anuar	Panel IAP	Pengurus Besar (Pembuatan), Proton Holdings Bhd.
12.	Mohd Nasir bin Arshad	Panel IAP	Deputy General Manager, Perodua Manufacturing Sdn. Bhd.
13.	Samsudin bin Hanafiah	Panel IAP	Tooling Manager, PST Mould Sdn. Bhd.

Fasiliti Makmal Kejuruteraan Pembuatan

Robot Industri

Robot-robot industri ini merupakan mesin terpakai yang digunakan di kilang pengeluaran kereta Perodua di Rawang. Antara model kereta Perodua yang pernah dihasilkan ialah Kancil, Kenari dan Kelisa. Robot-robot industri ini akan digunakan sebagai salah satu alat dalam proses pembelajaran yang berguna di universiti. Pengkolaborasi di antara UMP dan Perodua bukan sahaja melibatkan sumbangan robot industri malahan juga dalam pemindahan teknologi melalui latihan operasi robot industri tersebut.



Rapid Prototyping Machine

Rapid Prototyping Machine telah diperoleh pada tahun 2010 dengan nilai RM450,000. Mesin ini berfungsi untuk mereka bentuk prototaip produk dengan menggunakan teknologi FDM dan berkeupayaan untuk menterjemah sebarang reka bentuk dalam CAD (*Computer Aided Design*) kepada versi 3D sebenar menggunakan bahan plastik ABS. Mesin ini mesra pengguna dan mudah untuk digunakan serta sesuai untuk proses pembelajaran subjek reka bentuk produk.



High Speed Milling Machine

High Speed Milling Machine telah diperoleh pada tahun 2010 dengan nilai RM800,000. Mesin ini digunakan bagi proses pembelajaran pembuatan *mould & die*. Dengan kelajuan memotong 4000rpm, mesin ini boleh memotong bahan-bahan keras seperti besi dan keluli bagi proses pembuatan acuan. Digunakan untuk proses pembelajaran subjek *tools, die dan mould* (TDM).



JABATAN PENGURUSAN TEKNOLOGI

Jabatan Pengurusan Teknologi telah ditubuhkan pada tahun 2008 dengan tujuan untuk melatih dan melahirkan profesional yang kompeten. Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, Jabatan Pengurusan Teknologi menawarkan beberapa program akademik supaya pelajar yang telah tamat pengajian mereka akan memiliki antara lain, asas saintifik yang baik, kemahiran psikomotor, kemahiran pemikiran kritikal, kemahiran komunikasi, pengurusan maklumat dan kemahiran keusahawanan.

Visi

Berhasrat untuk menjadi pusat yang berwibawa untuk tujuan penyelidikan akademik, dan perundingan dalam bidang perkhidmatan sains, pengurusan dan kejuruteraan.

Misi

Untuk menghasilkan profesional terlatih yang kreatif, inovatif, kompeten dan bertanggungjawab melalui program akademik holistik.

Program-program yang ditawarkan

Prasiswazah:

1. Sarjana Muda Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH)
2. Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri (ITM)
3. Sarjana Muda Pengurusan Projek (PM)

Pengajian siswazah (secara penyelidikan) Sarjana:

1. Sarjana Pengurusan Teknologi (Industri Keselamatan & Kesihatan)
2. Sarjana Pengurusan Teknologi (Pengurusan Projek)
3. Sarjana Pengurusan Teknologi (Pengurusan Operasi)

Sarjana (dengan kerja kursus)

1. Sarjana Pentadbiran Perniagaan

Doktor Falsafah

1. Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi)

Penawaran Sarjana Pentadbiran Perniagaan

Kertas Kerja Penawaran Sarjana Pentadbiran Perniagaan telah diluluskan di Senat pada 16 Mac 2010. Proses pembangunan kurikulum, hasil pembelajaran dan pelbagai perkara berkaitan telah pun dimulakan seawal penghujung 2009. Penawaran program ini bertepatan dengan CSF 4: Akses dan Sosioekonomi, dalam Pelan Strategik 2008-2010. Kursus ini dijalankan secara kerja kursus sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa.

Jadual 54: Senarai Profesor Tamu, Adjung dan Pemeriksa Luar Jabatan Pengurusan Teknologi Sepanjang Tahun 2010

BIL.	NAMA	JAWATAN DILANTIK	INDUSTRI/IPT
1.	Y.H.Dato' Ir. Dr. Johari bin Basri	Profesor Tamu Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
2.	Datuk Dr. Ahmed Tasir bin Lope Pihie	Profesor Tamu Program Pengurusan Teknologi Industri	Presiden / Ketua Eksekutif Malaysian Industry-Government Group for High Technology
3.	Robert Gan	Profesor Tamu Program Pengurusan Projek	Presiden Project Management Institute Malaysian Chapter
4.	Profesor Dr. Hamzah bin Abdul Rahman	Pemeriksa Luar Program Pengurusan Projek	Profesor, UTM
5.	Profesor Madya. Dr. Abd. Talib bin Bon	Pemeriksa luar Program Pengurusan Teknologi Industri	Profesor, UTHM

Pingat Perak diraih pada ITEX 2009 dan MTE 2010

Buat julung kalinya, satu pingat perak telah diraih hasil penyelidikan bertajuk "*Technology Absorptive Management Software (TAMs)*" pada *Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2009* oleh penyelidik dari Jabatan Pengurusan Teknologi (JPT). Projek penyelidikan oleh Profesor Dr Ahmad Othman dan Hasahudin Hassan merupakan satu usaha baharu ke arah mengautomasikan penilaian dan penelitian berkaitan pemindahan teknologi (*Technology Transfer*).

Di samping itu, Profesor Dr Ahmad Othman bersama rakan penyelidiknya juga telah memenangi pingat perak pada *Malaysia Technology Exhibition 2010 (MTE)* yang telah berlangsung pada 4 hingga 7 Februari, bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Pada MTE 2010 kali ini, Profesor Dr. Ahmad Othman telah memperkenalkan hasil projek penyelidikan yang bertajuk "*Method for Assessing an Organization or Individual using Technology Absorptive Matrix Software (TAMs) for Technology Transfer Purposes*".

Dekan FKPPPT menerima hadiah sanjungan penyelidikan dan paten pada majlis Anugerah Cendekia Bitara 2009

Profesor Dr Ahmad Othman dan Hasahudin Hassan telah terpilih untuk menerima hadiah sanjungan Kategori Produk Penyelidikan dan Kategori Paten pada majlis Anugerah Cendekia Bitara 2009 yang telah diadakan di Bukit Gambang Resort City pada 3 Mei 2010. Majlis yang berprestij tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Besar Pahang. Hadiah sanjungan kategori Produk Penyelidikan diraih melalui penyelidikan bertajuk *Technology Absorptive Matrix Software (TAMs)*, manakala kategori Paten melalui penyelidikan bertajuk *Methods for Assessing an Organization or Individual*.

Faculty Talk Series Oleh Profesor Dr. Dharma Desilva

Inisiatif dari Profesor Dr. Ahmad bin Othman, Dekan FKPPPT, dengan kerjasama Program Pengurusan Projek, fakulti telah mengadakan Siri Syarahan Fakulti yang telah disampaikan oleh Profesor Dr. Dharma DeSilva dari Wichita State University, Amerika Syarikat pada 26 Mei 2010 di Auditorium Utama Perpustakaan UMP. Fakulti turut menjemput institusi luar seperti IKIP, KIPSAS, Kolej Shahputra dan POLISAS.

Profesor Dr. Dharma adalah seorang profesor di International Business and Management di Barton School of Business. Beliau sangat berpengalaman dan telah berkhidmat hampir 20 tahun dalam bidang akademik. Bagi Siri Syarahan Fakulti pada kali ini, Profesor Dr. Dharma telah berkongsi pengalaman beliau dalam bidang akademik dan kajian menerusi ceramah yang bertajuk "*How To Be Successful And Survive In Research and Its Challenges*".

"*Success is the sum of small efforts, repeated day in and day out.*" – Robert Collier

"Kejayaan adalah hasil daripada usaha yang kecil, diulang setiap hari siang dan malam." – Robert Collier

Hari Alam Sekitar

Program hari alam sekitar ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi kesedaran dan pendedahan kepada mahasiswa khususnya masyarakat UMP tentang isu-isu global terutamanya kepentingan menjaga alam sekitar. Di samping itu, ia juga dapat melahirkan generasi yang cintakan alam sekitar dengan mengintegrasikan masyarakat UMP melalui aktiviti menanam pokok di sekitar kampus.

Gimik perasmian penanaman pokok telah dijalankan di belakang klinik UMP. Pembentangan poster oleh mahasiswa program sarjana muda yang mengambil subjek BPF 2613 *Environmental Sustainability* juga dijalankan. Ceramah bermula dengan tajuk yang dibawakan oleh Profesor Dato' Dr.Ir. Johari bin Basri *Environmental Health*. Sesi soal jawab berlangsung antara para hadirin dengan penceramah pada petang itu. Majlis diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati kepada tetamu jemputan iaitu Profesor Dato' Dr.Ir. Johari bin Basri serta Profesor Dr Ahmad bin Othman Dekan FKPPPT.



Aktiviti Kelab Pelajar

Environmental Day

Environmental Day telah diadakan di UMP pada 22 Februari 2010 yang disertai oleh kesemua pelajar di Jabatan Pengurusan Teknologi (IMPROSH) yang memberi pendedahan tentang isu-isu global terutamanya mengenai alam sekitar serta secara tidak langsung dapat memupuk semangat mencintai dan menjaga alam sekitar di kalangan warga kampus. Para pelajar juga turut didedahkan dengan kepentingan alam sekitar yang sihat dan mewujudkan persekitaran yang indah melalui aktiviti penanaman pokok-pokok di sekitar perkarangan kampus.

Open Talk

Pelajar Jabatan Pengurusan Teknologi (IMPROSH) telah mengadakan *Open Talk* pada 15 Mac 2010 yang memberi pendedahan dan pembelajaran kepada mahasiswa dan mahasiswi yang masih kabur tentang pengurusan teknologi industri dengan lebih terperinci serta prospek kerjaya yang sesuai dalam bidang teknologi industri pada masa akan datang. *Open Talk* ini dilihat sebagai salah satu medium terbuka bagi mahasiswa dan mahasiswa untuk mendalami pemahaman berkenaan ilmu pengetahuan teknologi dan inovasi serta memperluaskan rangkaian profesional dalam bidang industri teknologi.

Lawatan Akademik dan Industri Ke Singapura

Lawatan Akademik dan Industri ke Singapura pada 10 hingga 12 Mei 2010 dilihat sebagai usaha bagi mengeratkan jalinan dua hala antara UMP dengan National University Singapore (NUS) di bawah Fakulti School of Building dari segi perkongsian pendapat dan informasi

dengan lebih berkesan di antara para pelajar berlatar belakang pengurusan projek dan kejuruteraan dari kedua-dua universiti.

Lawatan yang disertai oleh Kelab PIONEER, Kelab IN-TECHMA dan juga PRO-OSH dengan kerjasama Kelab PERKASA menyifatkan lawatan ini sangat bermanfaat apabila mereka didedahkan dengan pengalaman serta kefahaman sebagai persediaan awal menghadapi latihan industri kelak.

Seminar “The Important of Behavioral Based Safety Implementation in OSH Management” dan Ceramah Kerjaya Untuk Pelajar Baharu

Seminar *The Important of Behavioral Based Safety Implementation in OSH Management* dan Ceramah Kerjaya Untuk Pelajar Baharu telah diadakan pada bulan Julai 2010 bagi memberi pendedahan kepada pelajar di bawah Jabatan Pengurusan Teknologi (IMPROSH) terutama sekali para pelajar

yang baharu berdaftar. Dalam program tersebut itu juga, para pelajar baharu diperkenalkan kepada para pensyarah dan diberi sedikit maklumat berkenaan subjek OSH (*Occupational Safety and Health*).

Perasmian Project Management Student Chapter Dengan Usahasama Project Management Institute

Perasmian *Project Management Student Chapter* dengan usaha sama *Project Management Institute* telah dirasmikan pada 5 Ogos 2010 yang bertujuan memperkenalkan dan mempertingkatkan imej bidang Pengurusan Projek dalam menghasilkan mahasiswa dan mahasiswi yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa.

Projek yang telah melibatkan kesemua pelajar Pengurusan Projek (Kelab PIONEER) turut berkongsi pengalaman dan idea-idea kreatif bagi memupuk minat para pelajar dalam bidang pengurusan terutamanya kepada pelajar baharu.



FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI INDUSTRI (FSTI)

Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), UMP telah ditubuhkan secara rasmi pada 01 Mei 2008 bermula dengan penawaran program Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) - Kimia Industri dan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) - Bioteknologi Industri.

Objektif utama penubuhan fakulti ini ialah untuk menghasilkan tenaga kerja profesional dan separa profesional dalam bidang Sains dan Teknologi. Ianya selaras dengan usaha untuk meningkatkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran terutamanya bekalan saintis dan jurutera penyelidik (RSE) serta staf sokongan dalam industri berasaskan kimia, petrokimia, oleokimia, makanan, hasilan semulajadi dan bahan termaju.

VISI

Menjadi fakulti berteraskan Sains dan Teknologi bagi memenuhi keperluan industri serta berfungsi sebagai pusat rujukan utama.

MISI

Kami menawarkan program akademik dan perundingan serta menjalankan penyelidikan dalam bidang Sains dan Teknologi yang menekankan elemen-elemen industri bagi melahirkan insan symul sesuai dengan kehendak pemegang taruh.

Program-program pengajian prasiswazah yang ditawarkan:

- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) - Kimia Industri
- Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) - Bioteknologi Industri

Program pengajian siswazah yang ditawarkan:

- Sarjana Sains (Kimia Industri)
- Sarjana Sains (Bioteknologi)
- Sarjana Sains (Bahan Termaju)
- Sarjana Sains (Matematik)
- Sarjana Sains (Statistik)
- Doktor Falsafah (Kimia Industri)
- Doktor Falsafah (Bioteknologi)
- Doktor Falsafah (Bahan Termaju)
- Doktor Falsafah (Matematik)
- Doktor Falsafah (Statistik)

PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

Pertandingan Kreatif dan Inovatif anjuran bersama Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI) dan *Science Technology Expert Society (SciTEXS)*

Buat pertama kalinya, FSTI bersama *Science Technology Expert Society (SciTEXS)* telah menganjurkan Pertandingan Kreatif dan Inovatif yang melibatkan mahasiswa Program Kimia Industri dan Bioteknologi Industri, Fakulti Sains & Teknologi Industri di Bilik Latihan CENFED pada 25 Mac 2010. Pertandingan tersebut telah dirasmikan oleh Dekan Fakulti Sains & Teknologi Industri, Yang Berbahagia Profesor Dr. Mashitah binti Mohd Yusoff di Bilik Latihan CENFED, UMP. Ianya bertujuan menggalakkan mahasiswa untuk menghasilkan projek sains yang kreatif



dan inovatif serta meneroka idea-idea baharu.

Pertandingan tersebut merangkumi persembahan dan projek produk baharu dan idea-idea baharu yang berkaitan dengan bidang kimia dan bioteknologi. Seramai 11 kumpulan (57 mahasiswa) telah mengambil bahagian di dalam pertandingan tersebut. Pemenang pertama bagi pertandingan tersebut dimenangi oleh Kumpulan Aqua Touch, diikuti Kumpulan Hot Ice dan Kumpulan Buster.

Jadual 55: Senarai Pemenang Bagi Pertandingan Kreatif dan Inovatif Pada Tahun 2010

JOHAN	NAIB JOHAN	TEMPAT KETIGA
Aqua Touch	Hot Ice	B.U.S.T.E.R
Mohd Asyrak Deraman	Ong Foo Kheng	Chat Kar Hoe
Mohd Alias Ahmad	Tan Wee Yeong	Calvin Lee Weng Leong
Cornelia Chin Siew Ling	Low Miao Ying	Ong Jee Jian
Ng Yin Boon	Goh Tok Mun	Gan Siew Mei
Leong Siew Yin	Lai Jin Frve	Tan Mei Yin

The Malaysian Technical Universities Conference On Engineering And Technology 2010 (MUCET 2010)

Pada 28 dan 29 Jun 2010 yang lalu, Persidangan *Malaysian Technical Universities Conference On Engineering and Technology 2010 (MUCET 2010)* telah diadakan di The Bayview Hotel, Melaka. Tujuan persidangan itu diadakan adalah untuk menyampaikan hasil-hasil penyelidikan secara poster dan lisan berasaskan teknologi dan industri. Empat buah universiti teknikal yang mengambil bahagian dalam persidangan tersebut ialah UMP, UTeM, UTHM dan UniMAP.

Pada persidangan tersebut, Dr. Jose Rajan, Profesor Pelawat, daripada Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI), telah menyertai pertandingan bagi kategori penyampaian poster MUCET 2010. Beliau telah menyampaikan poster berjudul '*Metal Oxide Nanostructures by Electrospinning for Renewable Energy Devices*' yang telah memenangi tempat pertama dalam kategori poster.

Pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan Kali Ke-2 anjuran Fakulti Sains & Teknologi Industri dengan Kerjasama PERSAMA

Pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan Kali Ke-2 yang berlangsung selama dua setengah jam iaitu dari jam 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari anjuran FSTI dengan kerjasama Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) telah diadakan pada 26 Jun 2010. Tujuan pertandingan diadakan adalah untuk menghasilkan daya kreatif dan inovasi dalam penyelesaian masalah Matematik.

Seramai 503 peserta telah menyertai pertandingan ini yang terbahagi kepada tiga kategori iaitu Sulong, Muda dan Bongsu. Sebilangan 12 pengawas yang terdiri daripada pensyarah dan staf FIST serta seorang ketua pengawas merangkap sebagai Pengarah Program Pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan ini iaitu Azlyna Binti Senawi, telah menjayakan pertandingan tersebut.

Pertandingan Pidato Bioteknologi Biodiversiti Peringkat Negeri Pahang, anjuran Kerajaan Negeri Pahang

Pertandingan Pidato Bioteknologi Biodiversiti Peringkat Negeri Pahang, Anjuran Kerajaan Negeri Pahang telah diadakan pada 2 Ogos 2010 di Dewan Besar, Kompleks Yayasan Pahang. Mahasiswa FSTI, Siti Aisyah binti Mustapha telah dinobatkan sebagai Pemidato Terbaik dalam Pertandingan Pidato Bioteknologi Biodiversiti Negeri Pahang. Hadiah telah disampaikan oleh Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 9 Ogos 2010 di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, sempena Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Strategik Biodiversiti-Bioteknologi Pahang.



Pertandingan Debat Piala Naib Canselor UMP

Pertandingan Debat Piala Naib Canselor UMP yang diadakan pada 4 Ogos 2010 melibatkan kategori Debat Bahasa Melayu dan Debat Bahasa Inggeris. Barisan pembangkang yang diwakili PERKASA terdiri daripada Mohamad Helmi Othman, Iqram Zulkifli dan Wan Mohd. Fakri menjuarai debat Kategori Bahasa Melayu manakala barisan kerajaan yang diwakili SCiTEXS terdiri daripada Siti Aisyah Mustapha, Wan Muhammad Muadz dan Qusyairi Hashim menjadi Naib Johan bagi kategori Debat Bahasa Melayu yang turut diisytiharkan sebagai pendebat terbaik dalam pertandingan pada kali ini.



Anugerah Penyelidikan

Jadual 56: Senarai Anugerah Penyelidikan Sepanjang Tahun 2010

BIL.	NAMA PENERIMA (TAJUK)	ACARA	ANUGERAH
DR. AZHARI HAMID NOUR ABDEL RAMAN			
1.	<i>A Novel Process of Membrane Anaerobic System (MAS) in treating Palm Oil Mill Effluent (POME)". At the 21st International Invention, Innovation & Technology Exhibition</i>	ITEX 2010, 14-16 Mei 2010, Kuala Lumpur Convention Centre, KLCC, Kuala Lumpur.	ITEX Pingat Perak
2.	<i>Development of a Membrane Anaerobic System (MAS) for Sewage Sludge Treatment.</i>	Bio-Malaysia 1-3 November 2010, Kuala Lumpur Convention Centre, KLCC, Kuala Lumpur.	Bio Malaysia 2010, Pingat Perak
3.	<i>Natural Products for Control of Dengue</i>	Bio-Malaysia 1-3 November 2010, Kuala Lumpur Convention Centre, KLCC, Kuala Lumpur.	Bio Malaysia 2010, Pingat Perak
PROF. DR. MASHITAH BT MOHD YUSOFF EN. SAIFUL NIZAM BIN TAJUDDIN			
1.	<i>UMP Gaharu Quality Index</i>	Bio Malaysia 2010	Pingat Gangsa
EN. MOHD. RASHID BIN AB. HAMID			
1.	<i>Value-Based Total Performance Excellence Measurement (Vbtpem): A Structural Equation Modeling (Sem) Approach</i>	<i>Pre-Celebration Of World Statistics Day 2010</i>	
	Mendapat Tempat Ke-3 Dalam Kategori Pertandingan Poster Penyelidikan Pengajian siswazah (9 Oktober 2010)		

FAKULTI SISTEM KOMPUTER & KEJURUTERAAN PERISIAN (FSKKP)



Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) telah ditubuhkan pada 16 Februari 2002 untuk menghasilkan graduan yang berilmu, berkemahiran tinggi dan berdaya saing dalam bidang kejuruteraan perisian, sistem dan rangkaian komputer. Pada peringkat awal penubuhannya, fakulti menawarkan 2 bidang pengajian iaitu Kejuruteraan Perisian dan Rangkaian Komputer.

Fakulti juga telah memulakan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan meliputi bidang seperti sistem maklumat, kejuruteraan perisian, sistem komputer, sistem komunikasi, grafik dan teknologi multimedia untuk menghasilkan teknologi yang relevan dengan keperluan industri semasa. Pada masa ini, Fakulti mempunyai empat kumpulan penyelidikan iaitu Rangkaian & Keselamatan, Pemodelan & Simulasi, Perlombongan Data & Pengurusan Pengetahuan dan Grafik & Pemprosesan

Imej untuk menyokong kumpulan fokus universiti (Pembuatan & Automotif dan Kimia & Bioteknologi).

Melalui pengajaran yang berkualiti tinggi, kemudahan makmal yang besar dan canggih, khidmat nasihat dan kepelbagaian aktiviti-aktiviti profesional, para pelajar mempunyai peluang untuk menjadi lebih cemerlang di dalam sesi pembelajaran di dalam kelas dan mahupun di makmal. Dalam suasana yang kondusif, para pelajar akan dilengkapi dengan pengetahuan kejuruteraan perisian dan kemahiran teknikal. Dengan itu, para pelajar akan lebih bersedia dan yakin untuk memulakan kerjaya profesional mereka atau melanjutkan pengajian ke peringkat bayang lebih tinggi.

Perancangan semasa fakulti adalah untuk menjadi pusat rujukan ICT di Pahang untuk menyokong pembangunan

Wilayah Ekonomi Timur Pantai Timur (ECER), Malaysia. Untuk merealisasikan ini, banyak aktiviti yang melibatkan industri dan sektor-sektor kerajaan yang telah pun dijalankan.

VISI

Menjadi sebuah fakulti berteraskan kompetensi bertaraf dunia dalam bidang teknologi komputer.

Misi

Kami menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perundingan berkualiti tinggi dalam bidang teknologi komputer selaras dengan keperluan industri melalui penawaran program akademik yang cemerlang dengan menyediakan persekitaran kondusif untuk melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif.

Program-program pengajian prasiswazah yang ditawarkan :

- Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)
- Sarjana Muda Sains Komputer (Grafik & Teknologi Multimedia)
- Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer & Rangkaian)
- Diploma Sains Komputer

Program-program pengajian siswazah yang ditawarkan :

- Doktor Falsafah (Sains Komputer)
- Sarjana Sains (Sains Komputer)
- Sarjana Sains (Rangkaian Komputer)
- Sarjana Sains (Kejuruteraan Perisian)
- Sarjana Sains (Teknologi Maklumat & Komunikasi)



Majlis Menandatangani perjanjian kerjasama (MoU) di antara UMP, HeiTech Padu Berhad dan IBM yang diadakan pada 27 Mei 2010 di Hotel MS Garden, Kuantan



Program "Hi-Tea with Industries" yang diadakan pada 27 Januari 2010 di Royal Bintang, Kuala Lumpur



Sesi Taklimat Program 3P (Program Pentauliahan Profesional) yang diadakan di Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian, UMP Kampus Gambang pada 17 Mac 2010 kepada para pelajar FSKKP.

PUSAT BAHASA MODEN & SAINS KEMANUSIAAN (PBMSK)

PBMSK adalah pusat kecemerlangan yang menjadi pemangkin kepada pembangunan pelajar di UMP. Pusat ini menawarkan kursus-kursus Teras Universiti yang terbahagi kepada empat jabatan utama iaitu Sains Kemanusiaan, Bahasa Moden, Bahasa Asing dan Kemahiran Insaniah. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah:

Sains Kemanusiaan

- Kursus Teras KPT & Universiti
- Kursus Elektif

Bahasa Moden dan Komunikasi

- Bahasa Inggeris, Jerman, Mandarin, Jepun dan Arab.
- Kursus Bahasa Inggeris (MUET, IELTS, *Spoken English*, *Public Speaking*)
- Kursus Komunikasi (*Meeting Skills*, *Interview Skills*, *Presentation Skills*)

Kemahiran Insaniah

Tiga komponen kursus tersebut merupakan elemen utama dalam membentuk dan melahirkan graduan yang mempunyai sahsiah yang berketrampilan dalam aspek insaniah yang meliputi nilai-nilai murni. Di samping itu, pelajar juga dibekalkan dengan kemahiran berkomunikasi, daya kepimpinan yang tinggi, semangat kerjasama dalam kumpulan dan keupayaan pembelajaran sepanjang hayat.

Keunikan PBMSK

1. *Softskills* (Kemahiran insaniah)

UMP melalui PBMSK memberikan fokus kepada program *soft skills* dengan menjadikannya pelengkap dalam sistem pembelajaran di samping penekanan kepada pengetahuan dan kemahiran teknikal.

Ini bertujuan bagi memperkasakan graduan UMP yang bukan sahaja mempunyai kemahiran teknikal, tetapi juga mempunyai sahsiah yang berketerampilan.

2. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan ialah:

- *Student Centred Learning*
- *E-Learning*
- *Self-Access Learning*

3. Makmal Bahasa Multimedia

Bagi memastikan graduan UMP memiliki kemahiran komunikasi yang baik dalam bahasa Inggeris dan bahasa asing, PBMSK menyediakan 13 buah makmal bahasa multimedia yang termoden di Pantai Timur. Semua makmal ini menggunakan teknologi dari Finland dan setiap makmal dilengkapi dengan 31 buah komputer.

4. Kolaborasi dengan industri antaranya Malaysian Truck & Bus (MTB) Sdn. Bhd. and BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd. didalam bidang:

- Penyelidikan
- Perundingan
- Latihan

VISI

We aspire to be a center of excellence in Modern Languages and Human Sciences contributing to human development and nation building

MISI

To achieve this, we conduct outstanding academic programs, training and research in nurturing lifelong learners who uphold universal values. The expertise of our associates and the use of relevant technology are integral towards realizing our aspiration.



Jadual 57: Senarai Kursus Yang Ditawarkan Sepanjang Tahun 2010

ELECTIVE SOCIAL SCIENCE	
* CHOOSE ONE ONLY	
UHE3012	<i>Contemporary Leadership in Community</i>
UHE3022	<i>Critical Thinking Through Literature</i>
UHE3032	<i>Introduction to Human Behavior</i>
UHE3042	<i>Organizational Counseling</i>
UHE3062	<i>Malaysia : The Impact of Globalization</i>
UHE3072	<i>Technology for Human Capital Development</i>
UHE3082	<i>Creative Writing</i>
UHE3092	<i>English Mechanics</i>
UHE3112	<i>Language in Society</i>
FOREIGN LANGUAGE DEPARTMENT	
UHF11*1 FOREIGN LANGUAGE LEVEL 1* CHOOSE ONE ONLY	
UHF1111	<i>Mandarin for Beginners</i>
UHF1121	<i>German for Beginners</i>
UHF1131	<i>Japanese for Beginner</i>
UHF1141	<i>Arabic for Beginners</i>
UHF1151	<i>Spanish for Beginners</i>
UHF1161	<i>Malay for Beginners</i>
UHF21*1 FOREIGN LANGUAGE LEVEL 2* CHOOSE ONE ONLY	
UHF2111	<i>Mandarin for Intermediate</i>
UHF2121	<i>German for Intermediate</i>
UHF2131	<i>Japanese for Intermediate</i>
UHF2141	<i>Arabic for Intermediate</i>
UHF2151	<i>Spanish for Intermediate</i>
UHF2161	<i>Malay for Intermediate</i>
MODERN LANGUAGE DEPARTMENT	
Degree Program	
UHL1312	<i>English for General Communication</i>
UHL1322	<i>English for Technical Communication</i>
UHL1332	<i>English for Workplace Communication</i>
Diploma Program	
UHL2312	<i>Technical Writing</i>
UHL2322	<i>Technical Writing</i>
UHL2332	<i>Academic Report Writing</i>
HUMAN SCIENCES DEPARTMENT	
UHM2022	<i>Hubungan Etnik</i>
UHR1012	<i>Islamic & Asia Civilization I</i>
SOFT SKILLS DEPARTMENT	
UHS1011	<i>Soft Skills I</i>
UHS2011	<i>Soft Skills II</i>

Sehingga 2010, PBMSK mempunyai 89 orang staf (termasuk dua orang staf bukan warganegara). 61 orang daripada staf akademiknya adalah aktif manakala 15 orang cuti belajar. Daripada jumlah yang aktif, 40 orang DS dan 21 orang DG. Staf pentadbiran terdiri daripada 13 orang, lapan orang di pentadbiran dan teknikal seramai lima orang.

Pencapaian (PBMSK) sepanjang 2010 diukur berdasarkan 10 Faktor Kritikal Kejayaan (CSF) yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik UMP 2008 hingga 2010. Berikut adalah sembilan pelaksanaan dan pencapaian projek atau program daripada 10 CSF oleh PBMSK.

CSF 1 Governan

1. Penstrukturan semula Jawatankuasa-jawatankuasa PBMSK antaranya JK Akademik, JK Pembangunan, JK Penyelidikan, JK Kualiti dan Jabatan *Soft Skills*
2. Pelaksanaan pengurusan berkualiti (TQM/ISO/5S/KIK) melalui:
 - Bengkel Transformasi Akademik PBMSK pada 23 hingga 24 Disember 2010
 - Mesyuarat Kualiti, Taklimat P&P dan Kemahiran Insaniah pada setiap semester
 - Amalan 5S (Pusat) dalam bulan Februari, Jun, Ogos serta lawatan 5S dari Fakulti Ekologi UPM pada 23 Februari 2010

CSF 2 Pembangunan Modal Insan

1. Peningkatkan bilangan pensyarah memiliki PhD/setaraf iaitu seramai lapan orang.
2. Dua orang staf telah dilantik untuk *attachment* di industri/agensi yang berkenaan iaitu:
 - Profesor Dr. Abd Jalil bin Borham sebagai Profesor pelawat di Institut Kajian Rantau Asia Barat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
 - Profesor Madya Dr. Normah Othman sebagai profesor pelawat di Management & Sciences University (MSU).
3. Pelaksanaan program Khidmat

Komuniti bersama Masyarakat di beberapa buah tempat iaitu:

- Khidmat Masyarakat di Rumah Anak Yatim Permata Camar pada 22 Mei 2010.
- Mari bersama Masyarakat Kg Tebat: Kempen Kami Prihatin pada 10 April 2010
- Enam program khidmat masyarakat di bawah kursus TITAS
- Sultan Ahmad Shah Tioman International Eco-Challenge (SASTIEC) di Pulau Tioman
- English Writing Workshop for PMR di Sekolah Menengah Kebangsaan Sg Baging pada 5 hingga 6 Mac 2010

4. Pelaksanaan program Khidmat Komuniti bersama sekolah iaitu:

- Program Motivasi UPSR di Sekolah Kebangsaan Wira pada 24 Mei 2010
- Program Motivasi UPSR di Sekolah Kebangsaan Seri Mahkota pada 27 Mei 2010
- *English Writing Workshop for PMR* di Sekolah Menengah Kebangsaan Cenderawasih pada 25 Jun 2010
- Program Motivasi UPSR di Sekolah Kebangsaan Bandar Paloh Hinai pada 14 dan 21 Julai

5. Pelaksanaan enam program bersama Sekolah Kluster (MGs, Sekolah Kebangsaan Bandar 2 Paloh Hinai dan SMART) seperti kursus motivasi, kemahiran belajar dan kursus kaedah penyelidikan.

6. Pelaksanaan aktiviti untuk mengeratkan ukhuwah dan kerja berpasukan seperti:

- Pengukuhan Organisasi bagi semua staf PBMSK setiap bulan pada hari Rabu minggu kedua
- Tazkirah dan khutbah setiap bulan
- Friday Wisdom yang berlangsung pada hari Jumaat
- Bowling Piala Dekan pada 8 Julai 2010
- Jamuan Berbuka Puasa pada

24 Ogos 2010

- Jamuan Hari Raya pada 24 September 2010

7. Pelaksanaan latihan pembangunan profesional serta kepimpinan staf akademik dan bukan akademik iaitu:

- Bengkel Penulisan Ilmiah pada 15 November 2010
- Bengkel Jurnal Sains Sosial pada 8 Disember 2010
- *A Course in IELTS* pada 23 hingga 25 Februari 2010
- *Communication English at the Workplace* (Jabatan Bendahari) pada 22 Mac hingga 14 Jun 2010
- *Conversational German Course* pada 1 Mei hingga 27 Jun 2010
- *English for Teaching and Learning* pada 18 hingga 20 Mei 2010
- *A Course in IELTS* pada 23 hingga 25 Februari 2010
- *IELTS Training for Trainers* pada 28 Jun 2010
- Kursus *IELTS General Training* pada 29 September, 6 Oktober, 3 dan 15 November 2010
- Kursus *English for Workplace Communication* JHEAA pada 22 September hingga 24 November 2010
- *English for Workplace* di KIPSAS pada 27 Julai 2010
- Kursus Personal dan Interpersonal di KIPSAS pada 28 Julai 2010
- Kursus *Biofeedback* untuk staf akademik dan bukan akademik
- Kelas Intensif MUET pada Mac hingga April dan Oktober hingga November
- Latihan Penggunaan Alat Teleskop Astronomi (Kelab Astronomi & Jabatan Sains Kemajuan) pada 6 hingga 10 Ogos 2010
- Kursus Keusahawanan Ibu Tunggal pada 8 November 2010

CSF 3 Pengajaran dan Pembelajaran

1. Peningkatan Profesional Pensyarah & Pengajar melalui:

- Kursus IELTS dan T.O.T IELTS
- Kursus *Certified in Biofeedback*
- Kelas Intensif MUET
- Bengkel Penulisan Ilmiah
- Bengkel Jurnal Sains Sosial
- Bengkel Pemurnian Kurikulum
- Kursus keberkesanan P&P

2. Pelaksanaan program-program pemantapan Kurikulum seperti:

- Dua kali setahun Bengkel Penggubalan Kertas Soalan & Vetting
- Bengkel dan Seminar Kemahiran Insaniah 1 & 2
- Semakan *Teaching Portfolio* pada bulan Jun dan Disember 2010
- Penyediaan Teaching Plan format OBE UMP

3. Penerapan elemen penyelidikan dalam pengajaran kesemua kursus yang ditawarkan.

4. Penambahan kemudahan makmal P&P di Kampus Gambang sebanyak dua buah dan Kampus Pekan empat buah.

5. Penyeliaan Pelajar Pengajian Siswazah PBMSK seramai 10 orang.

CSF 4 Akses dan Sosioekonomi

1. Gerak kerja ke arah penubuhkan fakulti dan penawaran program-program baharu iaitu:

- Fakulti Bahasa dan Sains Kemanusiaan
- Program Sains Kemanusiaan iaitu *Bachelor of Halal Sciences (Hons)* dan *Bachelor of Sciences in Human Performance System (Hons)*
- Program Bahasa Inggeris iaitu *Bachelor of Sciences in Technology-Enhanced Language Learning (TELL) (Hons)* dan *Bachelor of Arts in English and Professional Communication (Hons)*

2. Empat program tersebut juga akan ditawarkan sehingga ke peringkat Pengajian Siswazah.

CSF 5 Penjaminan Kualiti

1. Penyeragaman jaminan kualiti MPK/FM di peringkat fakulti/jabatan melalui Bengkel Transformasi Akademik pada 23 hingga 24 Disember 2010
2. Pelaksanaan MS ISO 9001:2000 melalui:
 - SOP Kehadiran Perkuliahan, Kalendar Akademik PBMSK dan Fail Portfolio P&P
 - Bengkel Pemurnian Rancangan Pengajaran, Rangka Kursus, Hasil Program dan Hasil Pembelajaran
 - Penilaian Kemahiran Insaniah oleh pihak KPT menggunakan My3S pada 3 Mac 2010
 - Bengkel Kemahiran Insaniah 2 pada 27 hingga 28 Februari dan 6 hingga 7 Mac 2010

CSF 6 Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan

1. Penekanan kepentingan penyelidikan melalui:
 - Bengkel Kaedah Penyelidikan, Bengkel Pengkomersialan Produk Penyelidikan dan Tiga Kolokium Penyelidikan
2. Memperbanyakkan geran penyelidikan:
 - Mendapatkan geran pengkomersialan 1 geran @ 500k (MTDC)
 - 1 Penyelidikan bersama "Pelaksanaan dan Keberkesanan Kursus TITAS di IPTA Malaysia". Penyelidikan bersama dengan sekretariat Jawatankuasa TITAS IPT, Jabatan Pengajian Tinggi, Putrajaya.
 - Profesionalisme Academia Penyelidikan bersama dengan Sekretariat Institut Hubungan Etnik UKM (KITA), Jabatan Pengajian Tinggi, Putrajaya.
3. Penerbitan
 - Ilmiah terdiri daripada sembilan buah buku, 10 artikel Jurnal (*peer-reviewed & referred journal*) dan 33 kertas kerja Persidangan Ilmiah

(kebangsaan & antarabangsa)
• Bukan Ilmiah merangkumi Laporan Tahunan PBMSK 2009 dan dua edisi Buletin PBMSK (ILHAM)

4. Penyelidikan Prapengkomersialan
 - Satu laporan penyelidikan "Pelaksanaan dan Keberkesanan Kursus TITAS di IPTA Malaysia". Penyelidikan bersama dengan sekretariat Jawatankuasa TITAS IPT, Jabatan Pengajian Tinggi, Putrajaya
 - Geran Pengkomersialan MTDC RM 500,000
5. Tiga Patent (*1 Copyright*)
6. Satu MOA dalam proses membuat MOA setelah mendapat geran pengkomersialan MTDC
7. Satu geran Komersialisasi diperoleh daripada MTDC
8. Penubuhan Center of Excellence (*Center Biofeedback*) yang telah dibentangkan di peringkat JKPP UMP dan masih dalam peringkat penyediaan untuk dibawa ke JKTS
9. Tiga Anugerah Luar Penyelidikan iaitu satu projek penyelidikan antara fakulti, satu projek Penyelidikan antara Universiti dan satu Emas diraih di International Islamic University Research Competition (IIRRE 10).

CSF 7 Pembelajaran Sepanjang Hayat

Bekerjasama dengan PTJ di UMP dalam penganjuran program sepanjang hayat melalui Kursus Bahasa Inggeris, Kursus IELTS, Program Perundingan Bahasa German dengan Mercedes Benz dan Kursus *Biofeedback*.

CSF 8 Pengantarabangsaan

1. Satu lawatan pelajar Bahasa Mandarin ke China
2. Program Preparatory Intensive English (PIE) pengambilan

2009/2010 seramai 23 orang daripada negara China

3. Satu penyelidikan bersama oleh Profesor Madya Dr. Normah Othman
4. Keahlian badan professional di peringkat antarabangsa iaitu HCI, MIM, MATSDA, ASIA TEFL, JICA, OISCA, APEX, AAPB, JALEX, IFSAB dan AIBIM
5. Projek Seminar Jejak Warisan Negeri Pahang di peringkat kebangsaan

CSF 10 Mekanisme Pembiayaan

1. 10 projek projek perundingan
2. Satu projek penajaan pendapatan dari geran pengkomersialan

PROGRAM KEMAHIRAN INSANIAH (SOFT SKILLS) UMP

Pengenalan kursus Kemahiran Insan (*Soft Skills*) Program *Soft skills* adalah kursus wajib hadir yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar berdaftar UMP. Kursus ini diwujudkan untuk menerapkan dan memperkukuh kemahiran insaniah pelajar secara tersusun terutama dari aspek komunikasi, kerja berpasukan, pembelajaran berterusan, kepemimpinan dan nilai-nilai murni.

Terdapat dua jam kredit ditawarkan untuk kursus berkenaan dimana satu kredit untuk kursus *Soft Skills* 1 (UHS1011) dan satu kredit lagi untuk *Soft Skills* 2 (UHS2011). *Soft Skills* UHS1011 adalah kursus asas yang ditawarkan kepada pelajar tahun pertama dan tahun kedua iaitu semester 1 – 4 bagi pelajar ijazah dan semester 1- 3 untuk pelajar tahap diploma.

Kandungan dan liputan *soft skills* UHS1011 adalah lima kemahiran asas yang dikenali sebagai kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, pembelajaran sepanjang hayat, nilai positif dan kemahiran kepemimpinan. Kemahiran - kemahiran tersebut diperhatikan dan dinilai oleh pensyarah subjek yang diduduki oleh pelajar pada semester – semester tertentu yang dikenal sebagai sistem *embaded*.




LAPORAN & PENYATA
KEWANGAN



PRESTASI KEWANGAN 2010



Bagi tahun 2010, pada keseluruhannya Universiti telah membelanjakan sebanyak RM218.51 juta iaitu peningkatan sebanyak 6.58% (RM13.49 juta), berbanding perbelanjaan tahun 2009 sebanyak RM205.02 juta. Hasil Universiti bagi tahun 2010 ialah sebanyak RM211.79 juta iaitu menurun sebanyak 8.39% (RM19.40 juta) jika dibandingkan dengan tahun 2009 (RM231.19 juta).

CARTA 36: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti Tahun 2006-2010



Perbelanjaan Universiti telah dibiayai oleh pemberian daripada Kerajaan berjumlah RM155.42 juta, meliputi pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan RM154.45 juta dan Kumpulan Wang Penyelidikan berjumlah RM0.97 juta.

CARTA 37: Sumber Pendapatan Universiti Tahun 2010 dan 2009





Sebanyak RM269.28 juta telah dibelanjakan pada tahun 2010 yang meliputi belanja mengurus berjumlah RM194.74 juta, belanja penyelidikan berjumlah RM4.80 juta, belanja pembangunan berjumlah RM59.04 juta, belanja amanah berjumlah RM0.19 juta dan belanja anak syarikat berjumlah RM10.51 juta. Daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan itu, perbelanjaan terbesar adalah bagi lain-

lain perbelanjaan iaitu RM69.25 juta atau 31.69%. Jumlah ini telah mencatatkan penambahan sebanyak RM21.41 juta atau 44.77% dibandingkan dengan jumlah lain-lain perbelanjaan pada tahun 2009.

Perbelanjaan ke atas emolumen adalah merupakan perbelanjaan kedua terbesar berjumlah RM60.11 juta atau 27.51% meningkat sebanyak RM8.76 juta atau 17.07% daripada RM51.34 juta pada tahun 2009.


CARTA 38: Pecahan Perbelanjaan Universiti Tahun 2010 dan 2009.



KUMPULAN WANG PENGURUSAN


Pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan, Universiti Malaysia Pahang adalah terdiri daripada penyaluran geran kerajaan yang menyumbang hampir keseluruhan operasi Universiti. Ini dibantu oleh sebahagian kecil pendapatan Universiti melalui hasil yuran pelajar serta hasil dari sumber-sumber lain. Jumlah pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan bagi tahun 2010 berkurang sebanyak 15.34% (RM33.28 juta), daripada RM217.00 juta pada tahun 2009 kepada RM183.72 juta pada tahun 2010.

CARTA 39: Perbandingan Pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan wang Pengurusan tahun 2006 – 2010




Daripada keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan RM154.45 juta pendapatan adalah disumbangkan oleh kerajaan bagi tahun 2010 iaitu penurunan sebanyak 24.06% (RM48.94 juta) berbanding pada tahun 2009 sebanyak RM203.40 juta. Hasil dari pelajar meningkat daripada RM13.16 juta pada tahun 2009 kepada RM14.75 juta pada tahun 2010, peningkatan sebanyak 12.08% (RM1.59 juta).

CARTA 40: Sumber pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan tahun 2010 dan 2009



